

## BAB V

### FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PELABURAN ASING

#### 5.1 Pendahuluan

Dari segi ekonomi, politik dan polisi pelaburan dan pembangunan sosial, perkembangan sering diikuti dengan masalah yang baru.

*"We had problems in war time and now we have to deal with the problems of peace time."<sup>1</sup>*

Kata Vo Nguyen Giap, Memang, sesuatu yang baru mesti mendatangkan kesulitan yang baru.

Secara umumnya Vietnam mempunyai potensi yang besar tetapi tidak mempunyai satu penyelenggaraan yang baik. Pelaburan asing di Vietnam memperlihatkan haluan yang sedang menurun. Pada bulan November 1997, hanya terdapat 209 projek dengan jumlah US\$3.5 bilion jika dibandingkan dengan sebelas bulan pertama pada tahun 1996.<sup>2</sup> Pada tahun 1996, kerajaan Vietnam dengan keinginan untuk menaikkan angka jumlah pelaburan asing telah meluluskan dua projek pembangunan urbanisasi yang berjumlah US\$3 bilion. Tindakan sedemikian berjaya menaik jumlah pelaburan pada tahun 1996 kepada lebih saripada US\$8 bilion.<sup>3</sup> Tetapi sehingga sekarang, projek-projek tersebut belum dimulakan..

Pada tahun 1996, 188 projek daripada sejumlah 248 projek pelaburan asing di Bandaraya Ho Chi Minh mengalami kerugian.<sup>4</sup> Seorang ketua pegawai dari satu firma pelaburan asing, John R.Pike berkata bahawa

antara 75% daripada cadangan usahasama tidak pernah mula dan 50% akhirnya telah gagal. Richmond Mayo-Smith dari firma lain pula kata, “*This place is still too risky for most foreign investors.*”<sup>5</sup>. Selain itu, terdapat banyak kes penarikan keluar, seperti BBI yang merancang US\$243 juta di Danang akhirnya dibatalkan. Sementara itu Occidental Chemical telah menghentikan rancangannya yang berjumlah US\$109 juta dan Chrysler menunda projeknya yang berjumlah US\$192 juta dan lain-lain lagi.

Terdapat persepsi yang meningkat bahawa Vietnam merupakan tempat yang susah untuk menjalankan pelaburan di kalangan komuniti perdagang dan pelabur antarabangsa. Ini termasuk kos permulaan yang tinggi dan birokratik yang rumit. Sehubungan itu, sikap ambivalen antara pemimpin-pemimpin Vietnam juga mempengaruhi iklim pelaburan asing. Percanggahan utama berdasarkan kepada fahaman ideologi yang akan dibincangkan di bahagian berikut.

Perdana Menteri baru, Phan Van Khai yang mengetuai sejak September 1997 masih dicabar:

“... with hard-liners in the Communist government who are afraid of being exploited by foreign capitalist.”<sup>6</sup>

Pada bulan Februari 1998, Setiausaha Parti Komunis Le Kha Phieu telah menegaskan sekali lagi bahawa negara Vietnam akan mengekalkan pimpinan dan peraturan komunis dan tidak akan mendakap atau meliputi kapitalis. Apa yang akan dilakukan ialah Vietnam rela mempelajari dari kapitalis-kapitalis dari luar.<sup>7</sup>

Iklim perdagangan dan pelaburan di Vietnam seakan-akan seperti “*wild west*”. Dasar legal yang lemah, kekurangan hakim-hakim dan peguam yang layak dan ketidakadaan satu persefahaman bagaimana satu masyarakat kapitalis beroperasi telah menghasilkan satu keadaan pasar yang kasar dan bersepeh. Rasuah yang berleluasa, penyeludupan, pelarian cukai, penggelapan dalam sektor kewangan dan pengeluaran barang tiruan menunjukkan satu krisis dalam etika perdagangan di dalam masyarakat. Keadaan sekarang ialah seakan-akan jika Vietnam masih merupakan bandar yang sedang membangun, kebanyakannya prospektif lebih memihak menulis lebih “*mud*” daripada “*gold*”.<sup>8</sup> Kebanyakan media massa asing, pada tahun-tahun kebelakangan ini, telah mengambil satu nada negatif dalam membincangkan ekonomi di Vietnam, dengan banyak melapor dan menyiarkan kenaikan sungutan di antara komuniti pelabur asing mengenai kos yang tinggi membuat pelaburan di Vietnam dan rasuah yang merebak.

Sistem kewangan dan legal yang lemah mengemukakan satu risiko lagi kepada pelabur-pelabur asing di mana ratusan undang-undang baru telah di kuatkuasa, yang sering diabai dan dibantah kemudian. Terdapat kekurangan dalam penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut kerana meletakkan ketidakjangkaan risiko kepada pelabur-pelabur. Di dalam sektor kewangan masih kekurangan peraturan yang ditakrifkan dengan jelas, terutama dalam perakaunan, audit dan hak gadai janji. Peraturan berkaitan dengan kebankrapan, peraturan yang mengawal hak-hak kehartaan dan harta tanah tidak jelas. Sistem legal yang belum berkembang maju di negara

itu telah menggalakkan perkara-perkara rasuah, sogokan, pelanggaran hak cipta, penyalahgunaan hak *intellectual property* dengan sebagainya.

Sejarahwan berbangsa Amerika David Marr juga telah memberi komen ke atas proses reformasi Vietnam:-

*“....Vietnam has fostered double-dealing, fabrication of information, appropriation or stealing of public property, tax avoidance, smuggling and a host of other socially questionable practices.”<sup>9</sup>*

Dari segi permasalahan pengagihan, penyeludupan dan ketidakcepatan birokratik telah memburukkan penetapan harga dalam beberapa komoditi-komoditi penting dan memburukkan keadaan tekanan inflasi. Indeks kehidupan telah meningkat dari 17 peratus pada tahun 1995 berbanding 5.3% dalam 1993 dan 14.4% pada tahun 1994<sup>10</sup>

Di samping itu, masalah dalam percanggahan budaya perdagangan juga memainkan peranan dalam perbincangan ini. Nilai budaya yang berbeza akan membawa salah faham di antara pelabur-pelabur asing dan masyarakat tempatan.<sup>11</sup>

## 5.2 Faktor Fahaman Ideologi

Dalam masa kebelakangan ini, terdapat percanggahan antara pemimpin-pemimpin Vietnam, ada yang bercita-cita untuk menarik pelaburan asing sementara itu ada yang takut akan kehilangan kawalan. President Le Duc Anh berkata,

*"We should look beyond the short-term economic benefit to the risk of losing our independence."*<sup>12</sup>

Pengkaji berpendapat salah satu faktor yang menyekat perkembangan pelaburan asing di Vietnam ialah kekurangan restu politik. Ia bukan merujuk kepada ketidakstabilan politik tetapi percanggahan mengenai objektif matlamat yang ingin dicapai oleh kerajaan Vietnam selama sepuluh tahun itu semasa Doi Moi dijalankan. Walaupun terdapat kejayaan-kejayaan yang memberangsangkan, namun begitu masih terdapat ahli lama yang tidak selesa dengan perubahan yang diadakan. Objektif pembangunan ekonomi dan perindustrian di Vietnam ialah:

*"to develop the multi-sectoral commodity-based market economy under state management and along the socialist path."*<sup>13</sup>

Kekeliruan ini juga boleh digambarkan dalam perlombagaanya yang mana:

*"socialist-oriented multi-sectoral economy driven by the state-regulated market-mechanism."*<sup>14</sup>

Dilema utama yang dihadapi oleh pemimpin Vietnam ialah bagaimana mencapai perubahan ekonomi dalam rangka kerja sosialisme dengan tidak menyisihkan asas dan elemen-elemen sosialis itu sendiri. Ketidakpastian pemimpin-pemimpin dalam konteks ini amat membimbangkan pelabur-pelabur asing.<sup>15</sup> Seperti yang diulaskan dalam suratkhabar tempatan:

*"The market-oriented economy by itself is a fertile land wherein grow poisonouos grasses, the most*

*infectious of which are the conspicuous consumers life styles, selfishness, and rampant individualism that have damaged many of Vietnam's fine cultural traditions.”<sup>16</sup>*

Pemimpin-pemimpin tempatan bersetuju untuk meneruskan pembangunan. Reformasi atau renovasi mesti diteruskan dengan lebih banyak pembukaan dan perubahan. Tetapi pemimpin-pemimpin Vietnam juga mempunyai satu budaya yang “*secrecy*” dan ketidakpercayaan kepada orang luar, yang telah menanam atau berbenih di dalam budaya mereka sejak revolusi Ho Chi Minh selepas Perang Dunia Kedua. Jadi mereka masih mengingatkan satu sama lain bahawa walaupun Vietnam tidak berhadapan dengan ancaman yang jelas dan nyata, tetapi mesti mempunyai satu bencana yang akan wujud jika terlalu bergantung kepada kuasa luar. Kebanyakan mereka masih tidak dapat menyesuaikan diri dalam dunia yang sebenar. Mereka masih membincangkan siapakah kawan dan musuh mereka.<sup>17</sup> Walaupun pendapat itu agak keterlaluan, tetapi pengkaji yang berkerja di sana juga terasa pada umumnya, pemimpin-pemimpin kerajaan terutamanya yang di peringkat provinsi mempunyai perasaan tersebut.

Sebelum Parti Kongres Kelapan pada tahun 1996, kerajaan Vietnam telah mengadakan beberapa tindakan yang sensitif dan menakutkan pelabur-pelabur asing, seolah-olah ia tidak lagi menyambut kedatangan pelabur-pelabur dan pelancong-pelancong asing. Antara tindakan yang menyusahkan pelabur-pelabur asing ialah larangan menggunakan papan tanda dan poster dalam bahasa asing, termasuk logo koperat. Semasa sebulan

kongres itu diadakan, visa tidak lagi dikeluarkan kepada orang luar sehingga kongres itu selesai. Apabila pemberita-pemberita asing membuat liputan bahawa terdapat pembahagian antara “*reformers*” dan “*conservatives*”, kerajaan Vietnam telah memberi amaran sulit di mana jika mereka menulis lagi cerita-cerita negatif itu, visa mereka akan ditarik balik.<sup>18</sup>

### 5.2.1 Ideologi Di Belakang Doi Moi

Ideologi Doi Moi yang berdasarkan “*transitional period to socialism*” tidak membekal rangka kerja bagaimana ia harus berfungsi dalam realiti. Menurut penulis Gabriel Kolko, keadaan yang rumit ini merupakan “*the party and capitalism equals socialism.*”<sup>19</sup> Apakah itu benar dan boleh dilaksanakan di Vietnam? Dan bilakah masa transisi itu akan berakhir dan mencapai matlamat sosialis? Apabila transisi itu sudah berakhir, apakah model yang menggantikannya? Persoalan-persoalan itu tidak mendapat satu jawapan dari pemimpin-pemimpin Vietnam. Apa yang pasti ialah, Vietnam pada masa sepuluh tahun akan datang tidak akan menukar dari polisi-polisi Doi Moi itu. Mereka kemungkinan besar akan memberi lebih liberasi dalam perdagangan dan pelaburan, mempertingkatkan infrastruktur dari segi institusi, perundangan, kehakiman sehingga ke pembangunan fizikal. Bagaimanapun mereka tidak akan “mengakui” bahawa mereka mengadaptasikan elemen-elemen kapitalis. Seorang pegawai kerajaan berkata:

“Prosperity and social security are universal ideals. They are neither inherently socialist nor inherently capitalist ideas... it was not a question of choosing capitalism

*over socialism. The question to us was: are we going to be better off or not? But please, if we said, "yes, we want capitalism," well, hey, all hell would break loose."*<sup>20</sup>

Pengkaji bersetuju dengan pendapat pegawai tersebut. Ini kerana selama tiga tahun pengkaji tinggal di Vietnam, persekitaran sekeliling terutama dari penubuhan institusi dan mentaliti masyarakat tempatan masih tidak dapat menyokong sebuah negara yang berunsur "kapitalis" walau pun elemen-elemennya sudah berselerak dalam kehidupan mereka. Paling menonjol ialah syarikat-syarikat milik negara masih merupakan tulang belakang ekonomi Vietnam, dan Vietnam juga sedang terperangkap dalam kos sosial yang perlu ditanggung, terutama *social evils* yang perlu diselesaikan untuk menjamin satu masyarakat yang harmoni. Perdana Menteri lama Vo Van Kiet pernah berkata:-

*"Negative and law-violating actions are causing more impact on our ideology and aspirations, and are eroding our traditional morality and customs."*<sup>21</sup>

### **5.2.2 Taksiran Keuntungan, Tanah Dan Pelaburan Asing**

Selain daripada percanggahan dalam konteks makro, ideologi sosialis juga mempengaruhi mentaliti masyarakat tempatan. Ini tertonjol dalam perkara taksiran keuntungan.

Di Vietnam, dari aspek sejarah, keutungan dipasangkan dengan eksloitasi. Orang Vietnam yang telah lama tersepit dalam pergelutan revolusi dan peperangan telah mempunyai persepsi bahawa motif utama pendatang-

pendatang asing ialah mengaut keuntungan. Idea untuk mendapat keuntungan masih dicuriga dari segi ideologi.<sup>22</sup>

Motif keuntungan tidak dapat dinafikan merupakan matlamat utama bagi setiap pelabur asing yang melakukan pelaburan di Vietnam. Tanpa galakkan keuntungan, tidak mungkin pelabur-pelabur asing akan melabur di sana. Tarikan utama Vietnam seperti kos tenaga buruh yang rendah dan pasaran domestik yang besar akan memaksimakan keuntungan pelabur-pelabur terutama yang terlibat dalam sektor pengeluaran.

Pengkaji tidak menganggap salah jika Vietnam ingin memelihara dan menjaga bahan-bahan semulajadi dan harta-benda mereka, tetapi satu parameter bagaimana motif keuntungan itu dibenarkan berkembang merupakan kebijaksanaan. Pengkaji juga tidak menafikan bahawa di antara pelabur-pelabur asing terdapat di antara mereka yang semata-mata mengeksplotasi alam semulajadi dan tenaga kerja Vietnam. Bagaimanapun dalam konteks ini, perlu ada satu persefahaman di mana, kerajaan menerusi institusinya boleh memastikan pelabur-pelabur asing faham dan menerima tanggungjawab sosial. Pada masa yang sama kerajaan mesti mengakui bahawa pelabur-pelabur asing mempunyai kehendak dan hak-hak yang rasmi untuk memperolehi keuntungan.<sup>23</sup> Bahagian memperolehi keuntungan sukar sekali difahami dan disetujui oleh orang Vietnam, meskipun mereka merupakan pegawai-pegawai kerajaan.

Jika ditinjau dari Bab 2, bahagian 2.4, tidak keterlaluan jika merumuskan masyarakat Vietnam mempunyai kerumitan dalam membezakan

bantuan kewangan asing dengan pelaburan asing. Ini terbukti dalam kajian kes pelaburan Syarikat Marikawan di Vietnam. Pengurus besar Syarikat Marikawan bersetuju bahawa rakan kongsinya masih sangsi akan kedatangan mereka. Pada hemat mereka, pelabur-pelabur asing ini hanya datang untuk mengeksplotasi serta mengaut keuntungan dan bukan betul-betul hendak menolong dan mengubah kehidupan mereka. Kesangsian ini melambatkan perkembangan urusan pelaburan dan pelancaran projek tersebut. Syarikat Marikawan yang cuba meyakinkan keikhlasan mereka dalam pembangunan Danang EPZ/IZ pula sering terlibat dalam *psychological welfare*, di mana Vietnam senang mendapat keutamaan dalam sesuatu perbincangan.<sup>24</sup>

Di bawah ideologi sosialis, tanah merupakan harta benda orang Vietnam, dan dikawal di bawah pentadbiran kerajaan. Hak penggunaan tanah sangat penting di Vietnam, malah ia merupakan aset bukan-buruh yang terpenting.

Kekeliruan ke atas kuasa penggunaan tanah dan pengurusan yang lemah di kebanyakan syarikat milik negara telah memperlakukan pelaksanaan projek pelaburan-pelaburan yang berharapan tinggi. Di dalam syarikat usahasama, nilai tanah ditaksirkan sebagai satu sumbangan dalam modal. Harga tanah selalu diinflasikan dan oleh kerana mereka memandang tanah itu sebagai milik negara, jadi penggunaan ke atas tanah itu oleh pelabur asing dianggap sebagai eksplotasi. Untuk ganti rugi di atas pengorbanan tanah mereka, orang Vietnam sering menuntut pampasan yang tinggi. Pemindahan penghuni-penghuni juga merupakan satu lagi masalah utama. Boleh dikatakan,

kabanyakan projek di Vietnam telah digagalkan oleh penentuan hak penggunaan tanah, pemindahan penghuni dan pampasan tanah.

Seperti yang telah dibincangkan di Bab 4, Syarikat Marikawan tersekat dalam hal isu ganti rugi, perpindahan penghuni-penghuni orang Vietnam dan pemilikan hak penggunaan tanah yang menjadikan projek itu tidak menarik dan menguntungkan pada masa berikutnya. Syarikat Marikawan telah mengakui bahawa kerana kecuaianya dalam mengkaji undang-undang tanah dari segi dokumentasi dan “taksiran” masyarakat Vietnam mengenai tanah telah menyebabkan salah nilai terhadap projek pelaburan asing itu. Jikalau pihak Syarikat Marikawan tidak tertarik dengan legenda “*G to G arrangement*” (yang mana mereka mempercayai segala masalah akan lebih senang diselesaikan dengan penglibatan kedua-dua kerajaan) dan rela mengguna lebih masa untuk mengkaji mentaliti orang Vietnam, kemungkinan besar pihak Syarikat Marikawan tidak akan memulakan projek tersebut dan tidak akan mengalami kerugian yang besar.<sup>25</sup>

Selain itu, kerajaan Vietnam telah berkali-kali mendakwa keinginannya untuk mengekalkan syarikat-syarikat milik negara sebagai tulang belakang ekonomi Vietnam walau pun terdapat usaha-usaha untuk promosi penswastaan.

Perkembangan sektor swasta di Vietnam adalah dinamik dan semakin menjadi penting dan dominan. Seorang pegawai dari Hanoi berkata:-

*“your own a pair of scissors here you have a hair salon; a moped, it's a taxi service, ... this is an incredibly*

*industrious, hardworking and inherently entrepreneurial people. The basis for a very dynamic private sector is there.”<sup>26</sup>*

Tetapi syarikat-syarikat swasta di Vietnam telah ditempangkan oleh ideologi sosialis; iaitu ketidakkenduran peraturan pencukaian, polisi-polisi kredit perbankan yang lebih memihak syarikat-syarikat milik negara dan peringkat legal yang tidak jelas.

Keputusan drastik yang utama dalam Parti Kongres Komunis yang kelapan ialah menuntut syarikat-syarikat milik negara mesti memain peranan yang penting dalam ekonomi.<sup>27</sup> Dengan memperkuatkan peranan syarikat-syarikat milik negara dan mengurangkan kelemahan-kelemahan dalam syarikat-syarikat milik negara tersebut, beberapa dozen koperat telah dibentuk merangkumi syarikat-syarikat milik negara, terutama dalam sektor besi dan arang batu.

Usaha mengadakan gagasan sebegitu mempunyai aspek-aspek positif dan negatif. Dari aspek positif, dapat memisahkan perhubungan dengan syarikat-syarikat milik negara dengan beberapa agensi-agensi yang berlainan, dan melapor terus kepada Kementerian Kewangan. Ini adalah penting kerana memang terdapat syarikat-syarikat yang berhubungan dengan pelbagai kementerian, memakan sumber belanjawan dan tidak mempunyai akaun individu yang sesuai. Dalam banyak hal kerap berlaku pakatan sulit dalam operasi kerajaan, perhubungan antara syarikat milik negara dan kementerian-kementerian yang tersembunyi dan berbahaya dalam beberapa aspek. Jadi strategi yang lebih baik ialah memisahkan perhubungan sedemikian rupa.

Kementerian Kewangan yang memainkan peranan penyeliaan keatas sektor syarikat milik negara, dan pengenalan disiplin kewangan yang bertanggungjawap merupakan langkah yang baik. Bagaimanapun dari aspek negatifnya, jika Vietnam mempunyai gagasan koperat yang besar yang boleh menggunakan kuasa monopoli dalam ekonomi, boleh memberi risiko di mana ketidakberkesanan dapat melukai ekonomi dalam masa jangka masa panjang. Keadaan ini akan terus menekan aktiviti-aktiviti sektor swasta, dan penubuhan gagasan koperat yang berkecenderungan mengurangkan pertandingan dalam ekonomi dan membentarkan banyak syarikat milik negara meneruskan aktiviti mereka dengan cara-cara lama yang tidak effisien.<sup>28</sup>

Selain itu, terdapat risiko lain di mana gagasan-gagasan itu akan meminta lebih perlindungan dari segi politik kerana mereka lebih besar. Tambahan pula, dalam realitinya, kuasa monopolistik yang berlebihan dalam ekonomi bukan merupakan tanda yang baik dalam pertumbuhan ekonomi di sesebuah negara. Salah satu penyelesaian ialah memisahkannya, ini dapat dilakukan dengan mengadakan lebih banyak persaingan melalui sektor swasta dan penyemakan dalam perlakuan monopolistik.

Walau bagaimanapun, sektor swasta masih di bawah pembangunan di Vietnam. Ia lebih tertumpu ke dalam sektor perdagangan dan perkhidmatan. Penglibatan dalam perkilangan dan pengeluaran masih kecil. Jumlah pendaftaran syarikat-syarikat swasta yang baru mengalami penurunan, menunjukkan peringkat ketidakpercayaan yang tinggi antara pelabur-pelabur swasta.

Insentif-insentif yang diberikan kepada sektor swasta mendedahkan betapa kurangnya sokongan berbanding dengan polisi kerajaan terhadap syarikat-syarikat milik negara atau syarikat asing. Sektor swasta masih sukar untuk mendapat kredit jangka masa sederhana dan panjang. Peniaga-peniaga tempatan harus membayar 60-70% cukai keuntungan, di mana pelabur-pelabur asing hanya membayar 10-25%. Dalam rancangan pembangunan zon-zon industri, keutamaan sering diberikan kepada pelabur-pelabur asing dan syarikat usahasama.

Menurut kajian oleh *Institution of Economic Management Centre*, 60% daripada firma-firma swasta tidak dapat berkembang oleh beberapa sebab. Sebab yang utama ialah perikliman perdagangan yang tidak menggalakkan. Peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur swasta tidak merasa yakin untuk melaburkan lebih banyak wang ke dalam pengeluaran.<sup>29</sup> Undang-undang syarikat swasta yang diisyiharkan dalam tahun 1991 tidak memberi perlindungan yang cukup kepada pelaburan mereka. Kekurangan modal untuk memulakan pelaburan juga merupakan masalah yang besar. Di Bandaraya Ho Chi Minh, hanya 18% daripada sektor swasta dapat meminjam dari bank-bank kerajaan pada tahun 1993, berbanding dengan 8% di Hanoi. Manakala syarikat-syarikat milik negara memperolehi 85% kredit bank pada tahun 1993.<sup>30</sup>

Tidak hairanlah peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur swasta tempatan mengekalkan profil yang rendah. Antara sebabnya takut menarik perhatian pegawai-pegawai pencukaian. Di Vietnam, keadaannya ialah:

*“even if you make a loss, you just open your door and the taxman comes in.”<sup>31</sup>*

Seperti yang dikatakan oleh Mikael Brenning, pengurus negara bagi United Nations Industrial Development Organisation (UNIDO):

*“The private sector is accepted but it is not strongly promoted enough.”<sup>32</sup>*

Perkataan seperti “sektor swasta” dielakkan seberapa yang mungkin dalam tulisan kerajaan, dan diganti dengan “sektor bukan kerajaan”. Selain itu, perkataan “tu nhan hoa” yang membawa maksud penswastaan ini telah ditukarkan kepada “co phan hoa” yang diterjemahkan sebagai koperasi atau ekuiti dalam masyarakat Vietnam.<sup>33</sup> Ini menunjukkan kerajaan masih tidak dapat melepaskan diri dari tekanan masyarakat tempatan dan pemimpin-pemimpin konservatif dalam hal penswastaan yang sering dialu-alukan oleh pelabur-pelabur asing dan penderma-penderma antarabangsa.

Satu jurang telah wujud dengan retorik rasmi yang menyambut aktiviti-aktiviti sektor swasta dan perhubungan harian antara peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur dengan pegawai-pegawai. Sikap pegawai-pegawai kerajaan memang tidak menggalakkan pertumbuhan penswastaan. Kebanyakan pegawai tidak percaya peniaga-peniaga dan pelabur-pelabur swasta:

*“...they think, with some justification, that they are all tax cheaters and are out to exploit the people.”<sup>34</sup>*

Kenyataan oleh seorang ahli ekonomi, Do Duc Dinh pada tahun 1992 masih sah hingga hari ini:

*“...privatization suggests something not good; throwing workers to the streets, selling socialist assets, turning Vietnam totally capitalist.”<sup>35</sup>*

Disebabkan kesangsian terhadap sektor swasta dan pelindungan kepada kebijakan syarikat-syarikat milik negara, sesetengah syarikat milik negara yang walau pun tidak berkesan masih memainkan peranan dalam mengetuai pembangunan ekonomi. Kilang-kilang milik negara hanya mengupah 5-10% daripada jumlah tenaga kerja, tetapi mereka mengambil sebahagian besar kredit bank, menghalang peluang pertumbuhan kebanyakan firma-firma swasta. Sebenarnya, keyakinan dan kekuasaan politik yang meletakkan syarikat-syarikat milik negara sebagai tulang belakang ekonomi.

Daripada 6,000 syarikat-syarikat milik negara, terdapat 18 koperat kerajaan yang mempunyai 300 anak-anak syarikat yang menyumbangkan 70% daripada keseluruhan sumbangan syarikat milik negara ke dalam belanjawan kerajaan. Masih terdapat ribuan syarikat milik negara yang sebenarnya membebani belanjawan kerajaan. Syarikat-syarikat milik negara itu berkeadaan kekurangan wang, teknologi yang mundur dan pengurusan yang buruk.<sup>36</sup> Selain itu, laporan rasmi juga mencatatkan sumbangan syarikat milik negara di Vietnam dalam KNK ialah melebihi 40% yang mana World Bank hanya menyatakan pada kadar kira-kira 25%.<sup>37</sup> Misteri ini boleh dikesani oleh pegawai-pegawai yang takut dengan pencapaian yang

rendah oleh syarikat-syarikat milik negara, tulang belakang ekonomi sebuah negara sosialis, akan mencemar nama Vietnam. Jadi tidak hairanlah, sektor minyak dimasukkan ke dalam sumbangan syarikat milik negara, sama juga dengan kesemua pelaburan asing yang dalam bentuk usahasama (dengan syarikat milik negara). Kesemua itu direkodkan dalam output kerajaan. Adalah benar kenyataan oleh Raymond Mallon, penasihat kepada program reformasi syarikat milik negara:

*“ It's for political reasons because some people still want to see the state sector play a significant role.”<sup>38</sup>*

Kerajaan menyedari akan kelemahan-kelemahan dalam syarikat milik negara. Beberapa usaha telah dijalankan untuk memperbaiki keadaan itu. Jumlah syarikat milik negara telah berkurang dari 12,000 pada lima tahun lalu kepada di bawah 6000 pada masa kini. Kerajaan menyusun semula struktur dan menubuhkan beberapa kumpulan gagasan, setiap disekutu dengan jumlah syarikat yang utama dalam sektor industri, seperti getah, besi, pengangkutan dan simen.<sup>39</sup>

Apa yang kurang dalam kumpulan gagasan itu ialah pengurusan yang berpengalaman dan efisien. Selain itu, sebagai satu langkah menuju ke arah mengkomersialkan syarikat milik negara, syarikat tersebut diberi lebih kebebasan dalam mengambil, menyingkir dan mengurus pengeluarannya. Walau bagaimanapun, promosi kerajaan untuk menggalakkan satu pemilikan yang kepelbagai (*multi-force ownership*), telah mengakibatkan kementerian-

kementeriannya masih mengekalkan kuasa pemilikan dalam syarikat-syarikat tersebut.

Kerajaan Vietnam telah memilih untuk mengekuti, satu proses yang menukar milik firma-firma kepada pekerja-pekerja dan pemegang-pemegang saham, dan bukan penswastaan secara keseluruhan. Bagaimanapun, Vietnam yang masih tidak mempunyai institusi yang mengawal pasaran saham telah menahan proses itu. Terdapat penentangan dari pekerja-pekerja dan pengurus-pengurus kerana takut tugas dan jawatan mereka akan terjejas. Pada tahun 1995, hanya terdapat empat syarikat yang menjual saham-sahamnya. Manakala secara keseluruhannya usaha kerajaan pada tahun 1996 untuk menggalakkan ekuiti syarikat-syarikat milik negara tidak mendapat sambutan yang baik.

Penumpuan kawalan kerajaan dalam pasaran ekonomi juga menghamparkan pelbagai agensi antarabangsa seperti World Bank, IMF dan ADB yang mana menegaskan sektor swasta harus diberi lebih kebebasan dan peranan dalam pembangunan perindustrian di Vietnam. World Bank menyatakan:

*"[State-owned Enterprises] continue to squeeze the private sector out of its potentially important role in the economy, and encourage continued inefficiency."*<sup>40</sup>

Secara tidak langsung ini telah mempengaruhi pembiayaan kewangan dari organisasi-organisasi tersebut ke dalam Vietnam. Sebagai kesimpulannya, Vietnam memang memerlukan sektor swasta sebagai satu

sumber tenaga keusahawanan dan satu komponen efektif dalam strategi eksport-orientasi. Bagaimanapun tidak boleh dinafikan, masih terdapat keraguan dan kerisauan dari segi ideologi dan politik mengenai peranan sektor swasta di masa hadapan. Selain itu, dokumen-dokumen pada kongres 1996 tidak mengesan laluan reformasi tetapi mengambil sepenuh perhatian ke atas masalah-masalah yang timbul selama sepuluh tahun ini, seperti kekurangan sumber-sumber kerajaan dan kepimpinan, kawalan politik dan ideologi yang lebih lemah dan lebih cenderung kepada pengaruh-pengaruh atau anasir-anasir luar yang lebih kerap dan besar. Isu-isu konservatif itu mempunyai hubungan terus dengan isu-isu akar yang ingin mengekalkan satu order sosialis.

Minat golongan konservatif berkonflik dengan golongan yang lebih mengutamakan peningkatan devolusi kuasa authoriti dan peluang-peluang individu-individu. Mereka mengagungkan-agungkan ahli-ahli ekonomi moden, penderma-penderma dan pelabur-pelabur antarabangsa. Keseluruhan mereka memandang pembukaan pasaran dan penswastaan sebagai misi baru. Bagaimanapun, pemimpin-pemimpin Vietnam dalam tahun 1996 masih menegaskan peranan kerajaan dalam menguruskan ekonomi Vietnam. Kepada parti Komunis yang masih memegang kuasa teguh di Vietnam, penarikan keluar tangan kerajaan dari sektor-sektor strategik dan kritikal merupakan satu resipi bagi satu negara yang tidak stabil dan mengalami keruntuhan ekonomi.<sup>41</sup>

Dalam kajian ini, Syarikat Marikawan tidak mempunyai kebebasan untuk memilih rakan kongsinya. Pengurus besar Syarikat

Marikawan memberitahu pengkaji mereka diberitahu oleh pihak kerajaan Vietnam bahawa mereka tidak harus bekerjasama dengan pihak swasta. Sebab tunggal yang diberi ialah pihak swasta tidak akan mendapat sokongan dan restu dariapda kerajaan Vietnam. Maka ia tidak akan mendapat sebarang faedah daripada projek yang bakal dilakukan oleh Syarikat Marikawan. Syarikat Marikawan yang masih mentah di Vietnam pada masa itu tiada pilihan lain selain menerima nasihat kerajaan Vietnam.<sup>42</sup>

Rakan kongsi Syarikat Marikawan ditentukan oleh pihak kerajaan Vietnam. Pemilihan syarikat milik negara tersebut tidak dilakukan atas pertimbangan ekonomi tetapi dari segi politik dan hubungan perseorangan. Pegawai-pegawai dalam syarikat milik negara, DANEPZONE ialah orang yang mempunyai kuasa politik lebih daripada pengetahuan ekonomi pasaran dan berpengalaman dalam pengurusan. Sikap kerajaan yang pilih kasih tanpa menyelidik faktor ekonomi dan realistik itu akhirnya tidak dapat membawa satu pakatan usahasama yang berjaya. Sekiranya Syarikat Marikawan mempunyai pilihan untuk memilih rakan kongsinya, kemungkinan besar Danang EPZ/IZ tidak akan gagal. Tidak dinafikan juga sikap Syarikat Marikawan yang terburu-buru tanpa menyelidik latar belakang rakan kongsi juga mempengaruhi prestasi syarikat usahasama ini.<sup>43</sup>

### 5.2.3 Nasionalisme

Nasionalisme merupakan salah satu konsep penting dalam memahami politik dan ekonomi negara Vietnam. Disebabkan kemenangan

dalam beberapa siri peperangan, terutama dapat mengalahkan Amerika Syarikat, telah menjadikan orang Vietnam sangat bangga dengan negaranya dan yakin dengan kekuatan penduduknya. Dalam hubungan dengan pelaburan asing, didapati wujudnya tekanan dari firma-firma tempatan untuk menyekat kemasukan pelaburan asing. Tekanan sebegitu telah diterjemahkan dalam perubahan-perubahan dalam polisi. Kerajaan telah memutuskan menghadkan pelaburan asing baru dalam sektor hotel dan pada masa yang sama bahagian rakan tempatan dalam usahasama tersebut perlu ditingkatkan. Pecahan 70:30 yang menjadi amalan biasa dalam sesbuah usahasama cuba diubahsuai. Kerajaan sekarang hendak melihat bahagian rakan kongsi tempatan ditingkatkan kepada sekurang-kurangnya 40%.<sup>44</sup> Bagi seorang pelabur asing, untuk mendapat seorang rakan kongsi untuk mengambil 30% bahagian dalam sesuatu projek secara adil adalah sukar dan memerlukan satu penilaian tanah yang amat murah hati untuk rakan kongsi supaya mereka dapat menyumbang dalam usahasama itu. Peningkatan bahagian rakan kongsi tempatan yang oleh kerajaan itu pasti akan menjadikan sesuatu projek itu tidak ekonomi.

Di samping itu, nasionalisme atau yang lebih tepat diterjemahkan sebagai sikap angkuh itu jelas ditunjukkan dalam kajian kes Syarikat Marikawan. Authoriti EPZ/IZ Danang yang membangunkan Hoa Khang IZ sebenarnya telah meniru apa yang berlaku di Danang EPZ/IZ dari segi perancangan, dokumen-dokumen dan sebagainya. Seperti kata seorang esekutif di Syarikat Marikawan, pelan pembangunan Hoa Khanh seakan-akan *copy cat* tetapi authoriti EPZ/IZ menganggapnya sebagai ciptaan baru dan

kejayaan yang mengagumkan. Mereka sering menyindir bahawa Vietnam telah dapat mengalahkan Malaysia. Emosi-emosi demikian akhirnya mempengaruhi keseluruhan pembangunan perindustrian di Danang. Dari mempromosikan zon-zon industri Danang EPZ/IZ, kerajaan lebih memberi tumpuan kepada zon-zon industri tempatan pelabur-pelabur tersebut dibawa oleh Syarikat Marikawan. Selain daripada itu, mereka juga cuba sabotaj dan merampas pelabur-pelabur asing yang masuk ke Vietnam. Oleh kerana sikap yang terlampau angkuh itu, mereka sudah melupai matlamat penubuhan zon-zon industri itu ialah untuk kebaikan masyarakat tempatan, memberi lebih peluang pekerjaan dan sebagainya dan bukan untuk bertanding siapakah yang lebih kuat dan berwibawa dalam menarik pelaburan asing.<sup>45</sup>

Kerajaan Vietnam juga melaksanakan polisi perlindungan pada November 1996. *National Assembly* (Dewan Negara) telah mengundi untuk mengalihkan industri gantian import daripada senarai yang menarik pelaburan asing.<sup>46</sup> Ini bermakna, galakkan tidak diberikan kepada sektor gantian import kerana mereka yakin syarikat-syarikat tempatan boleh dan berkemampuan untuk melakukannya.

Rumusannya, pemimpin-pemimpin Vietnam sedang "bergusti" dengan elemen-elemen kapitalis yang semakin menyerap ke dalam masyarakatnya. Pada pendapat pengkaji, sesetengah pemimpin konservatif Vietnam telah menipu diri-sendiri. Pengkaji bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Micheal Fathers:

*“Communism is a meaningless ideology in Vietnam nowadays. Since 1986, Doi Moi, or renovation, is the philosophy of government. Translated into real terms that means making money, and the whole country is taking to it with the dedication of a drunk who has fallen off the wagon after decades of enforced abstinence.”<sup>47</sup>*

Parti Komunis Vietnam telah menyatakan ia akan mengekalkan peranan pemimpin di dalam kerajaan dan meneruskan komitmennya ke dalam pembentukan sistem satu parti, walaupun idea-idea komunis telah semakin cair di dalam masyarakatnya.

### **5.3 Perikliman Pelaburan Yang Tidak Menggalakan-Red Tape Dan Birokrasi**

Isu penting dalam penentuan lokasi untuk pelaburan ialah perikliman makro. Ramai pelabur asing berpendapat perikliman makro tuan rumah merupakan faktor kritikal.

*“Economic and political stability is the single most important factor in attracting investors, stemming capital outflows, and encouraging reflows. Stable growth in domestic incomes, strong domestic investment, and relative political stability have been the cornerstone of East Asia’s success in attracting FDI. Conversely, high inflation, threats of nationalization or currency devaluation, and frequent policy changes quickly dampen investors’ enthusiasm.”<sup>48</sup>*

Korporat Nomura berpendapat, bagi sesebuah negara yang sedang mengalami pembangunan ekonomi mesti bergantung kepada kompetitifnya bagi mencapai matlamatnya. Ini termasuk bukan sahaja kompetitif dari segi sektor pengeluaran dan perdagangan, tetapi juga dari segi

keseluruhan keberkesanan aktiviti ekonomi seperti pengeksplotasian bahan-bahan, pengeluaran, pengangkutan, komunikasi, pengagihan dan pemasaran.<sup>49</sup>

Secara umum, iklim pelaburan di Vietnam sedang menuju kejatuhan. Ini boleh dilihat dari jumlah modal yang diterima daripada pelaburan asing dalam tahun 1997 hanya US\$4.4 bilion berbanding US\$8.7 bilion pada tahun 1996. Tidak setakat itu, ramai pelabur asing yang sudah tiba di Vietnam pada peringkat awal telah menarik diri. “*People are tired of waiting for economic reforms that come too little, too late.*”, kata Fred Burke, Peguam Pelaburan di Bandaraya Ho Chi Minh.<sup>50</sup> Penarikan keluar pelabur-pelabur asing itu memudarkan minat pelabur-pelabur asing baru ke Vietnam. Calon-calon pelabur yang berpotensi telah menyaksikan betapa sukarnya pelabur-pelabur asing yang ada di Vietnam memperolehi keuntungan, secara langsung telah membatalkan rancangan pelaburan mereka di negara itu. Seorang pelabur asing di Danang, telah berkata:

“*When other businessmen from Japan ask me for advice about investing here, I suggest them to think twice.*”<sup>51</sup>

Syarikat Marikawan sering mengadakan seminar bagi menggalakkan pelabur-pelabur asing datang ke zon Danang EPZ/IZ. Beberapa bulan kebelakangan ini, Syarikat Marikawan sering mengalami ketidakcukupan peserta dan terpaksa membatalkan seminar yang ingin dianjurkan.<sup>52</sup> Syarikat Marikawan yang tiada pilihan, terpaksa mempromosi zon tersebut dan mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur asing. Pada masa yang sama ia sendiri telah membatalkan rancangannya untuk

membangun fasa peringkat dua bagi Danang EPZ/IZ. Apabila disoal balik oleh pelabur-pelabur asing yang berpotensi mengapa Syarikat Marikawan tidak meneruskan pelaburannya di Vietnam, jika keadaan sebenar begitu menggalakkan. Amat sukar untuk Syarikat Marikawan menjelaskan keadaan sebenar dan menceritakan masalahnya. Secara langsung ini telah menjelaskan keyakinan pelabur-pelabur yang berpotensi. Seorang pelabur asing mengadu, “*The longer we wait for things to happen, the more money we bleed*” yang mana telah mencuba berkali-kali untuk memulakan satu projek besi bernilai kira-kira US\$300 juta.<sup>53</sup>

Bagi pengkaji, masalah Vietnam dari segi pengurusan serta iklim pelaburan ialah dalam operasinya terdapat ramai “raja”. Fenomena terlalu ramai “raja” itu berlaku dalam mengimplementasikan sesuatu projek. Seperti dalam kes Syarikat Marikawan, persetujuan telah direstui oleh kedua pemimpin tertinggi dan lesen telah didapati dari pusat di Hanoi, tetapi telah disekat pada peringkat provinsi dan kerajaan tempatan. Salah seorang daripada menteri tempatan dapat menghalang proses pelancaran projek itu. Tiap-tiap menteri mempunyai pandangan yang tersendiri dan menganggap pelabur asing itu mesti tunduk kepada keputusannya. Projek yang sudah mendapat kebenaran masih harus merujuk kepada pelbagai menteri-menteri yang berkaitan seperti Kementerian Industri Tempatan, Kementerian Pembinaan, Kementerian Tenaga, Kementerian Persekutuan dan sebagainya. Keadaan ini amat berleluasa sehingga seorang pegawai imigrasi juga boleh mencetuskan

masalah di mana jika dia enggan mengeluarkan permit/visa kepada expatriate yang bekerja di dalam projek itu.<sup>54</sup>

Di dalam kes yang lain, seorang polis yang berpangkat rendah boleh memberikan masalah seperti mengkomenkan pelabur-pelabur asing tersebut tidak mempunyai dokumen yang sah dan sebagainya. Sehubungan itu, World Bank telah menyifatkan keadaan itu sebagai “*too much government*” di mana terlalu banyak peraturan yang tidak berkesan dan berfungsi serta terlalu banyak campur tangan dalam aktiviti-aktiviti pasaran.

Pada masa yang sama, di Vietnam juga mengalami masalah “*too little government*” terutama kekurangan perlindungan ke atas pelabur-pelabur asing dan pembekalan kemudahan awam. Pengkaji merasa, Vietnam terlalu ramai “raja kecil” tanpa satu maha raja yang mana pelabur boleh bergantung kepadanya. Tugas kerajaan telah bertambah kompleks oleh kelemahan pentadbiran kuasa ke atas provinsi-provinsi yang lain.

Dekad peperangan telah meninggalkan kepada Vietnam satu proses pembuat keputusan beragihan dengan kuasa pusat. Dalam kebanyakan provinsi, parti yang berkuasa dan bos-bos kerajaan tempatan terus bertindak dan berlagak seperti feudal lebih daripada seorang pegawai awam peringkat pertengahan.

“*There are so many fingers in the pie... Every authority would like to have the last say...*”<sup>55</sup>

Cara Vietnam yang memerlukan persetujuan sebulat suara patut dipuji kerana dapat menolong dalam penghindaran gangguan dalam

keperibadian. Bagaimanapun persetujuan sebulat suara ini juga bermakna penundaan yang panjang dan banyak kompromi. Jadi setiap kali, apabila menghadapi masalah di peringkat provinsi, aduan kepada kerajaan pusat tidak mendatangkan hasil. Ini desebabkan kerajaan pusat akan cuba menasihat kedua-dua pihak supaya berkompromi. Kebajikan pelabur-pelabur asing sebenarnya tidak terjamin dalam konteks ini. Pelabur-pelabur yang enggan tunduk kepada syarat-syarat yang berlebihan akan berakhir dengan “tunggu” atau pada akhirnya membatalkan projek tersebut. Bagi pelabur asing yang rela berkompromi tidak menjamin output yang baik. Seperti di dalam kajian kes Syarikat Marikawan, kompromi-kompromi pada peringkat permulaan kerana hendak menunaikan janji komitmen kerajaan Malaysia kepada Vietnam akhirnya telah membawa masalah yang lebih besar di masa seterusnya sehingga diejek oleh pihak authoriti tempatan (terutama authoriti EPZ/IZ) sebagai tidak tahu atau berkelayakkan untuk membangunkan sebuah zon industri.<sup>56</sup>

Selain itu, masalah *red tape*.<sup>57</sup> Pengkaji yang mula bekerja di Vietnam secara penuh masa selama tiga tahun di negara itu telah mengalami dan menyaksikan betapa *red tape* itu meruncingkan pelabur-pelabur asing. *Red tape* itu lebih menonjol di peringkat provinsi berbanding di peringkat pusat. Sebagai contoh, pengkaji yang sudah sering kali melawat ke authoriti EPZ/IZ itu setiap kali dikehendaki membuat permohonan mengikut prosedur yang rasmi, seperti memanggil setiausaha melengkapkan satu borang rasmi. Di dalam borang tersebut perlu dinyatakan siapa yang ingin ditemui, apakah

tujuannya dan masa perlu ditulis dengan jelas. Selepas itu pengkaji terpaksa menunggu panggilan dan balasan rasmi untuk menetapkan masa dan tempat. Memang membuat temujanji terlebih dahulu adalah biasa di dalam mana-mana masyarakat pun, bagaimanapun yang mengecewakan ialah tiadanya kefleksibelan. Sebagai satu authoriti yang berhubung terus dengan pelabur-pelabur asing, tidak harus begitu rigid dan *red tape*. Ini akan menakutkan pelabur-pelabur asing yang berminat. Dalam kes pengkaji, kadang-kala pelabur asing itu datang secara tiba-tiba. Pengkaji yang membawa pelabur tersebut ke authoriti dengan janji melalui telefon sering dianggap tidak bersopan.<sup>58</sup> Konsep “*one stop*” di Vietnam pada praktiknya, masih merupakan prosedur-prosedur yang sukar digunakan yang melibatkan pelbagai kementerian, individu dan polisi-polisi yang saling bertindih. Kadang-kala, lesen dapat dikeluarkan dalam masa yang singkat, tetapi peringkat “*post-licensing*” yang menakutkan di mana pelabur-pelabur juga harus membawa lesen berkenaan untuk berjumpa pelbagai bahagian yang berkaitan. Seorang pelabur di Danang berkata:

*“Only when you have obtained your investment license, your nightmare begin to start.”<sup>59</sup>*

Kelebihan Vietnam untuk menarik pelaburan asing dalam sektor pengeluaran bergantung kepada kebolehan Vietnam untuk mengadakan polisi-polisi yang boleh dipercayai yang akan membawa kestabilan dalam perikliman makro dan mengurangkan risiko politik dan ekonomi dan ketidakpastian.

Bagaimanapun realitinya, prosedur-prosedur yang memastikan hak-hak mengguna tanah, peraturan-peraturan bagi pelan-pelan pembinaan dan pengupahan telah mengejutkan pelabur-pelabur asing yang berpotensi dan memperlambatkan pemberian lesen pelaburan.

#### **5.4 Masalah Dalam Syarikat Usahasama**

Ramai pakar ekonomi berpendapat ragam usahasama merupakan kunci untuk menggalakkan pembangunan dalam ekonomi dan sosial di Vietnam. Kebanyakan pedagang-pedagang Vietnam juga meperlihatkan usahasama sebagai satu ragam yang paling baik untuk membangun ekonomi Vietnam.

Syarikat usahasama meliputi bahagian besar dalam ragam pelaburan asing di Vietnam. Apa yang perlu diambil perhatian ialah terdapat banyak syarikat usahasama berakhir dengan cerita pahit.

Laporan baru-baru ini oleh EIU (*Economist Intelligence Unit*) telah memberi nasihat kepada kerajaan Vietnam dan syarikat-syarikat tempatan agar bekerjasama dengan pelabur-pelabur asing.<sup>60</sup> Kerjasama ini merupakan pakatan dalam situasi “*win-win*” dan saling mendapat faedah. Anggapan bahawa jika seseorang pelabur asing telah berjaya, maka orang-orang Vietnam mesti akan rugi, adalah lazim di Vietnam. Oleh kerana itu, masyarakat tempatan telah menekan kerajaan supaya menambahkan bahagian atau saham tempatan dalam projek-projek usahasama, supaya orang-orang

Vietnam yang akan mendapat keuntungan daripada syarikat usahasama berkenaan.

Selain ini, ramai orang Vietnam yang masih menganggap rakan kongsi pelabur asing cuba sedaya upaya untuk mendapat keuntungan dengan mengimport teknologi yang lama dan kuno, tidak dapat dinafikan. Ada kebenaran dalam kenyataan tersebut. Bagaimanapun tuduhan bahawa syarikat asing menyumbang teknologi dan peralatan usang mungkin mengelirukan. Ini disebabkan peralatan “usang” ini mungkin merupakan penyelesaian yang baik dalam sesbuah negara yang selalu dihantui oleh tenaga kuasa yang tidak stabil, dan tenaga buruh yang tidak berpengalaman dan tidak mempunyai infrastruktur teknologi yang memadai dan memenuhi permintaan ke atas peralatan yang lebih kompleks dan berintensifkan modal.

Kebanyakan pelabur asing telah kecewa dengan sikap “apa yang anda lakukan kepada saya lebih daripada apa yang boleh kita lakukan bersama”. Ini merupakan satu sebab mengapa pelabur-pelabur asing lebih suka memilih 100 peratus milik pelaburan asing daripada usahasama.

Ramai berpendapat modal merupakan masalah yang utama dalam sesbuah syarikat usahasama, tetapi modal yang mencukupi juga tidak menjamin satu usahasama yang berjaya. Didapati kebanyakan syarikat usahasama lebih memerlukan rakan-rakan kongsi yang berpengalaman dan dominan untuk menggantikan pengurus-pengurus yang sebelum ini tidak pernah didedahkan kepada perdagangan antarabangsa. Pengurus-pengurus Vietnam kurang kemahiran dan pengalaman untuk menukar sebuah syarikat

daripada cara perancangan pusat yang lama ke sebuah syarikat yang berdasarkan orientasi pasaran. Kebanyakan rakan kongsi Vietnam memerlukan pengurusan yang lebih baik, etika kerja yang lebih baik dan kemahiran dan pengalaman apabila mereka masuk ke dalam usahasama. Dalam kes Syarikat Marikawan, bahagian pengurusan Vietnam adalah dilantik dan mereka amat kurang dedahan kepada perdagangan antarabangsa. Disebabkan kedudukan mereka akan ditukar pada bila-bila masa, mereka tidak mengambil perhatian terhadap masa depan syarikat usahasama, apa yang lebih penting ialah berapa keuntungan yang mereka boleh perolehi pada masa sekarang.

Pelabur Jepun dan Korea Selatan yang dalam ragam usahasama sering mengadu terdapat konflik dalam badan pengurusan itu sendiri mengenai rancangan, pembangunan pengeluaran, polisi pembangunan, perlantikan pekerja dan polisi bayaran. Masalah-masalah itu memakan masa yang lama untuk menyelesaiannya.

MPI menuntut peningkatan ragam 100% milik asing dalam Vietnam tidak dapat menggambarkan apa-apa kecuali trend ini bersesuaian dengan industri semulajadi. Ini disebabkan kebanyakan projek 100% milik asing adalah industri kecil dan sederhana, dan majoriti terdapat dalam sektor seperti indsutri ringan, pertanian, pemprosesan eksport dan perternakan. Selain itu bidang yang memerlukan kemahiran yang tinggi juga dimiliki oleh pelabur asing sepenuhnya. Perangkaan statistik memperlihatkan jumlah syarikat 100% milik asing dengan modal pelaburan melebihi US\$20 juta sedang meningkat. MPI mempunyai penjelasan yang lain di mana situasi ini sejajar dengan

peningkatan pelaburan di dalam zon EPZ, di mana barangannya adalah untuk dieksport kesemuanya. Bagaimanapun mengikut pengusaha asing yang memulakan pelaburan dalam 100% milik negara trend ini dikait dengan kesulitan-kesulitan yang semakin ketara antara perbezaan rakan kongsi Vietnam dan pelabur asing dari aspek keperibadian, kebiasaan dan pengalaman. Walaubagaimana pun, situasi ini berlaku di mana-mana negara. Tetapi di Vietnam, kesulitan lebih rumit lagi disebabkan peraturan-peraturan pelaburan asing yang menuntut sebarang keputusan yang dibuat dalam sebuah usahasama mesti berasaskan keputusan sebulat suara (*unanimity*).<sup>61</sup> Dalam badan pengurusan, keputusan yang cepat tidak mungkin berlaku dan proses perdagangan dan pelaburan akan diperlambatkan daripada apa yang dijangka.<sup>62</sup> Dan Vietnam bukan sebuah negara yang mempunyai rakan kongsi yang tidur.

Salah satu faktor yang tidak menggalakkan usahasama ialah mengenai sumbangan pihak Vietnam dalam sesuatu usahasama. Kebiasaannya, sumbangan ini hanya terdiri daripada tanah. Di Vietnam, tanah yang sesuai untuk pengeluaran dan perdagangan telah habis digunakan dalam usahasama yang lain. Oleh itu, tiada tanah yang sedia untuk menyumbang dalam usahasama dan sebab itulah pelabur-pelabur asing memilih pembentukan syarikat 100% milik asing. Di Vietnam, 90% daripada modal yang disumbangkan oleh rakan kongsi Vietnam ialah dalam bentuk hak penggunaan tanah sama ada dalam usahasama atau kontrak perdagangan koperasi (*Business Co-operation Contracts*), 8% dalam nilai bangunan dan hanya 2% adalah dalam wang tunai dan lain-lain.<sup>63</sup>

Dalam kes-kes pada tahun 1997 dan 1998, Coca-cola dan Procter and Gamble yang ingin meningkatkan bahagian dalam syarikat usahasama itu telah mendapat liputan yang luas dalam Vietnam dan antarabangsa. Di Vietnam, untuk mendapat kebenaran dari kerajaan dalam membelanja lebih wang seolah satu muslihat. Dalam sebuah usahasama, ekuiti permulaan biasanya ditentukan oleh kerajaan. Rakan kongsi tempatan menyumbangkan tanah-dengan harga inflasi yang tinggi dalam pertukaran bahagian mereka dalam sebuah usahasama. Rakan kongsi Vietnam sering enggan menambah lebih modal ke dalam usahasama itu pada masa kemudian, kerena mereka takut pemilikan mereka akan dicairkan kelak oleh rakan kongsi asing. Bagaimanapun pelabur-pelabur asing pula berpendirian pelaburan yang selanjutnya perlu dilakukan dan adalah penting untuk menjadikan sesuatu projek mendapat keuntungan.<sup>64</sup>

*“Nobody really wanted to be in joint venture to start with, and now they can see a way out of them.”<sup>65</sup>*

kata Foster dari Syarikat Freshfields. Kerajaan bimbang dengan membenarkan Syarikat Coca-cola mendapat lebih bahagian dalam usahasama, akan membuka pintu kepada pelabur-pelabur lain untuk berbuat demikian.<sup>66</sup> Tanpa berbuat demikian, pelabur-pelabur asing mengancam akan menarik diri dari Vietnam. Tindakan ini akan membawa keburukan kepada Vietnam. Pada masa kini, kerajaan Vietnam tiada pilihan yang lain.<sup>67</sup> Selain itu, seorang Pengurus Negara berkata:

*“There are always problems with joint venture, so let them do 100% and if it doesn't work, it's the foreign own fault. It eliminates all the conflicts and makes for far more efficient investment”<sup>68</sup>*

Dalam kes Syarikat Marikawan di Vietnam, badan pengurusan Syarikat Marikawan telah berkali-kali meluahkan rasa kesalnya kerana terlibat dalam ragam pelaburan usahasama. Keputusan pengurusan tidak boleh diambil kerana sering dibantah oleh pihak Vietnam. Sering seorang atau dua rakan kongsi Vietnam dalam badan pengarah yang tidak bersetuju terhadap keputusan yang ingin dicapai.<sup>69</sup> Disebabkan “sebulat suara” itulah, pihak Malaysia terpaksa melobi pihak Vietnam yang tidak bersetuju agar projek Danang EPZ/IZ ini boleh diteruskan.<sup>70</sup> Perbuatan sedemikian menyebabkan eksekutif-eksekutif Malaysia yang bekerja di sana berasa amat tertekan.

Untuk membentang satu cadangan, apa yang difikirkan ialah adakah ia akan mendapat persetujuan sebulat suara dari pihak Vietnam dan bukan menimbangkan adakah cadangan ini akan bermanfaat dalam pembangunan projek Danang EPZ/IZ. Fokusnya lebih kepada rakan kongsi Vietnam dan ia telah menjaskan mutu pengurusan. Apa yang mengecewakan lagi ialah rakan kongsi Vietnam yang kurang berpengalaman tetapi ingin mempertahankan maruah sering akan membantah atau melengahkan apa sahaja cadangan yang dibentangkan. Tindakan ini diambil bertujuan memperlihatkan mereka mempunyai kata putus dan harus “dihormati” walaupun cadangan tersebut adalah untuk kebaikan dua belah

pihak. Masa dan tenaga terbuang begitu sahaja dalam pertelagahan yang tidak bermakna itu.

## 5.5 Masalah Dengan Sektor Perbankan Dan Kewangan

Sektor perbankan dan kewangan merupakan antara kunci utama dalam peraturan makro dalam sebuah ekonomi pasaran. Sektor itu yang selama ini di bawah sistem pemusatan dan subsidi, memerlukan sebilangan kakitangan pengurusan yang mempunyai pengetahuan khusus dan kemahiran yang diperlukan oleh mekanisma pasaran, terutama di dalam bidang perhubungan ekonomi luaran. Seorang pengusaha di Hanoi berkata:

*“ I am stuck in the middle of a banking system crisis that has struck even before we have a banking system.”<sup>71</sup>*

Pada tahun 1996, kebanyakan pinjaman, terutama yang berjangka masa pendek L/C (*Letter of Credit*) diberikan dengan bebas. Langkah itu telah membawa kemusnahan dalam sumber kewangan Vietnam. Beberapa kes kegagalan di mana tidak membayar balik meningkat setinggi 20% daripada jumlah yang dipinjam, termasuk 60% dari syarikat milik kerjaan, menyebabkan sumber pinjaman di bank-bank domestik telah hampir haus.<sup>72</sup> Tambahan pula, terdapat satu trend di mana bank-bank milik negara dan swasta tidak menunaikan L/C. Satu tindakan yang amat merosakkan konsep sistem perbankan. Dan kebanyakan syarikat usahasama mendapati semakin sukar untuk menukar matawang domestik kepada US dollar.

Pada umumnya, Vietnam kekurangan modal dan tiada satu sistem pinjaman yang sempurna. Vietnam juga tidak mempunyai pasaran saham, walau pun kerajaan ingin memulakan satu tetapi sehingga sekarang, kriteria-kriteria untuk menubuhkan satu pasaran saham di Vietnam masih tidak dapat dipenuhi. Perbankan di Vietnam berada di dalam satu situasi yang keliru dan kabur. Menurut seorang ahli ekonomi, Le Dung Doanh, lebih 45% wang tunai adalah diedarkan di luar sistem perbankan rasmi.<sup>73</sup> Selain itu, hanya 7% daripada orang tempatan menggunakan bank dalam urusan kewangan.

Tahun 1997 merupakan tahun ketiga di mana hasil (*revenue*) tidak memenuhi anggaran belanjawan.<sup>74</sup> Ini menambahkan tekanan ke atas defisit belanjawan. Oleh itu, keupayaan kerajaan untuk menggunakan hasilnya untuk pelaburan telah terhad. Kadar tabungan domestik masih di tahap rendah, iaitu di bawah 20% daripada jumlah KNK. Ini memperlihatkan satu keputusan mobilisasi tabungan swasta yang lemah, di mana tabungan yang berpotensi telah dialirkan ke dalam perbelanjaan konsumen yang tidak berproduktiviti. Sistem perbankan di Vietnam masih boleh dipersoalkan. Kadar mobilisasi modal domestik tidak berkesan untuk memenuhi permintaan ekonomi dalam transisi. Pengurusan perbankan telah menjalani banyak perubahan. Di Vietnam skandal EPCO and Minh Phung telah menunjukkan isu-isu yang ada dalam satu indusrti yang sedang mengalami transisi dari perancangan pusat ke ekonomi pasaran dan telah menjelaskan reputasi sistem perbankan Vietnam.<sup>75</sup>

Secara umumnya orang Vietnam tidak mempercayai akan sistem perbankan. Seorang penguam di Vietnam menyatakan:

*"People pay for things in dollars, and it goes right under the mattress instead of circulating in the banking system."*<sup>76</sup>

Seorang pegawai kerajaan Vietnam pula menambah:

*"... A lot of people do have money. But they do not want to put it in the bank."*<sup>77</sup>

Orang Vietnam lebih suka menyorok wang dan emas mereka dirumah. Dijangka diantara US\$600 juta hingga ke US\$2 bilion wang dilabur di rangkaian kredit yang tidak formal di mana ahli-ahli kongsi wang akan mengikut surutan menggunakan wang itu.<sup>78</sup>

Peraturan pada tahun 1994 yang meminta semua matawang asing mesti disimpan ke dalam bank dan perdagangan mesti diuruskan dalam dong sahaja tidak mendapat perhatian masyarakat tempatan. Harapan kerajaan Vietnam dengan pelaksanaan peraturan itu dapat memastikan matawang asing yang beredar di pasaran masuk ke dalam bank. Bagaimanapun ia akhirnya telah menghamparkan Pengkaji tidak menafikan perkara ini, kerana masyarakat tempatan tidak percaya akan polisi-polisi fiskal kerajaan dan polisi-polisi demikian juga tidak menolong dalam mempromosikan keyakinan.

Selain itu, bank pusat yang membenarkan satu kejatuhan kecil dalam nilai dong dengan US dollar pada tahun 1997, telah menyebabkan pelabur-pelabur takut akan satu devaluasi yang rasmi akan bermula, biarpun kerajaan telah memberi jaminan bahawa ia tidak akan menurunkan nilai dong pada masa depan. Apa yang berlaku dalam ekonomi Vietnam ialah, walaupun

tiada devaluasi yang rasmi, matawang tempatan Dong telah menurun nilainya kira-kira 10% pada akhir tahun 1997 dan 1998. Tambahan pula, kesediaan pertukaran matawang asing merupakan satu masalah yang serius kepada pelabur-pelabur yang mengimport bahan-bahan mentah untuk mengeluar barang siap untuk jualan di dalam pasaran domestik. Pelaburan di dalam gantian import telah diberi jaminan bahawa mereka boleh membeli matawang asing, tetapi kekurangan dan ketidakcukupan matawang asing di dalam pasaran menjadikan pertukaran sangat sukar. Tambahan pula, bank pusat telah mengisukan satu perintah di mana melarang media-massa melaporkan isu-isu kewangan kerana takut imej bank-bank tempatan akan terjejas dan akan menghadapi masalah yang lebih serius.<sup>79</sup>

Pada beberapa tahun kebelakangan ini, isu nilai ke atas hak pengunaan tanah untuk dijadikan cagaran telah banyak dibahaskan. Menurut agensi berita rasmi, tanah yang dipunyai oleh sebuah syarikat milik negara yang digadai sebagai cagaran hanya merupakan satu "*placebo*". Tetapi hutang-lapuk mereka yang belum dijelaskan di bank-bank milik negara adalah besar. Dalam dilema begitu, pada Mei 31 1997, Gabenor Bank Pusat mengumumkan syarikat-syarikat milik negara yang effisien akan dibenarkan untuk meminjam dari bank-bank tanpa gadaian atau cagaran. Tindakan tersebut bertujuan meningkatkan kesediaan dan kemudahan matawang asing, yang mana diperlukan untuk mengimport mesin-mesin dan barang penting yang lain dan juga untuk membayar balik pinjaman matawang asing. Bagaimanapun hak keistimewaan ini akan menjelas saraf utama di kabanyakan

syarikat-syarikat asing dari segi operasi sehari-hari di mana kemampuan untuk menukar matawang Dong yang tidak-berdagang itu semakin disekat.

Salah satu masalah dalam sistem perbankan dan kewangan di Vietnam ialah tekanan inflasi yang tinggi. Pada tahun-tahun 1986-1988, inflasi ialah di antara 300-500% setahun. Dengan disiplin fiskal yang ketat yang dilaksanakan dalam tahun-tahun 1990-1991, inflasi telah berjaya diturunkan kepada tahap 70% dan menurun lagi pada tahun 1993, kepada 5.3%. Kadar bunga pula telah naik menjadi positif. Sejak kadar bunga ke atas deposit lebih tinggi daripada inflasi, pengumpulan barang menjadi lebih mahal secara relatifnya. Pada masa lalu, sesetengah syarikat milik negara biasa mengumpul barang yang mencukupi untuk permintaan dalam satu tahun dan rumah tangga suka menyorok barang konsumen yang asas. Kesemua praktis itu telah terhenti akibat peningkatan kadar bunga melebihi kadar inflasi. Syarikat-syarikat tersebut mula mengedarkan barang sorokan ke dalam pasaran untuk mengelakkan muflis. Vietnam yang selama ini mengalami kekurangan barang dalam pasaran telah mula menikmati lebihan barang dalam pasaran. Secara tidak langsung, membantu merendahkan harga dan menurunkan inflasi.<sup>80</sup>

Kenaikan kadar bunga itu juga menggalakkan orang ramai menyimpan wang mereka ke dalam bank dan memaksa syarikat milik negara lebih effisien dalam operasinya kerana pada kali ini membayar balik hutang di bank menjadi lebih mahal. Bagaimanapun pencapaian makin lama semakin terancam. Defisit belanjawan yang semakin bertambah dan kemasukan modal

asing telah menolak inflasi ke 14.4% pada tahun 1994 atau 17.4% dalam basis tahun-ke-tahun. Walau bagaimanapun, kerajaan telah mengambil langkah untuk menaikkan kadar bunga, pada tahun 1995, kadar bunga tahunan ialah 21% dan kadar inflasi ialah 12.7%.<sup>81</sup> Kesan buruk yang dialami ialah kos modal bagi pelabur-pelabur swasta telah meningkat. Ini tidak menggalakkan pelaburan modal perkembangan dan pertumbuhan dalam perdagangan. Lantaran itu, pendapatan cukai kerajaan juga akan berkurang.

Kurang keyakinan akan sistem kewangan dan perbankan oleh masyarakat asing menyebabkan Syarikat Marikawan menghadapi masalah dalam mendapat pinjaman dari pihak bank asing untuk membiayai projek Danang EPZ/IZ.<sup>82</sup> Kalau bukan kerana disokong oleh kerajaan Malaysia, maka tidak mungkin projek ini akan mendapat pinjaman dari Bank EXIM di Malaysia.

## 5.6 Rasuah Dan Penyeludupan<sup>83</sup>

Kata Jean Thoroval:

*“Everyone who is anyone in Socialist Vietnam is “on the take”.”*<sup>84</sup>

Tuduhan itu tepat sekali kerana tidak ada bahagian kehidupan orang Vietnam yang tidak diresapi oleh rasuah. Inti rasuah ialah penyalahgunaan kepercayaan untuk kepentingan peribadi. Rasuah merupakan satu pengkhianatan terhadap kepercayaan.

Bagi pelabur-pelabur asing, rasuah merupakan salah satu halangan yang utama dalam berdagang dan melabur di Vietnam. Ini disebabkan rasuah mengemuk dan mengeringkan modal secara konsisten dan mengakibatkan penarikan dan mengecilan beberapa projek pelaburan.

Pelabur-pelabur asing dipaksa menghadapi rasuah di semua peringkat apabila membuat perdagangan dan pelaburan di Vietnam. Mereka perlu merasuh pegawai-pegawai kerajaan. Dengan memberi rasuah syarikat-syarikat asing dibenarkan melakukan tindakan-tindakan haram, satu peluang yang tidak adil bagi pelabur-pelabur yang cuba melabur dengan mengikut undang-undang dan prosedur.

*“Whenever you have a situation that depends on officials giving approval for projects, you have a situation where those officials are looking to get as much money for themselves as they can.”<sup>85</sup>*

*“It’s an ongoing obstacle to foreign investor, we have come across a number of cases where it has been made clear to a company that without some sort of particular benefits being given to an official, their bid won’t be successful, or companies who have told us that they would have won a bid but for a corrupt payment made by a competitor.”<sup>86</sup>*

Rasuah merupakan satu simptom yang diwujudkan oleh pentadbiran yang tidak berkesan. Rasuah merupakan kulat yang tumbuh dengan sistem pentadbiran yang tidak efisien. Jadi ia susah untuk membezakan rasuah daripada *red tape* dan ketidakberkesanan birokratik.

Masalah rasuah timbul kerana kebanyakan pegawai pertengahan tidak dibayar gaji dengan sewajarnya, dan mereka memerlukan bayaran haram itu sebagai satu sumber pendapatan tambahan. Tidak dinafikan

dengan pendapatan yang rendah, mereka hanya mampu hidup dan tidak hairan jika mereka menganggap bayaran-bayaran itu sebagai pembasuh mulut.<sup>87</sup>

Pengaruh rasuah lebih berleluasa dari peringkat bawah ke peringkat tinggi dalam pentadbiran. Didapati 40% dari keputusan kerajaan adalah diputuskan dengan “*under-the-table*”.<sup>88</sup> Tetapi ada juga yang percaya angka itu agak konservatif, di mana angka harus lebih besar daripada 40%.

Seorang pegawai asing berkata:

*“We are telling them all the time: market economy, market economy. That's about supply and demand. And now we are complaining when they charge us for the extra work we have given them?”<sup>89</sup>*

Pengkaji berpendapat masalah di sini bukan dengan permintaan dan penawaran, tetapi ialah permintaan dan penawaran itu tidak disemak dan bertanggungjawap. Selain itu Vietnam kurang undang-undang.

Masyarakat tempatan menganggap masalah rasuah itu tidak mungkin dapat diubah, kerana ia berlaku di setiap tempat dan orang tempatan telah biasa dengannya. Ia akan mengambil beberapa dekad untuk membuat satu perubahan. Di samping itu, rangka legal di Vietnam sangat longgar, bila seorang pegawai meminta sesuatu, tidak dapat dipastikan samada permintaan itu benar atau tidak. Undang-undang boleh diimplementasi dengan pelbagai cara dan tidak mempunyai keseragaman.

Syarikat-syarikat asing, apabila ingin memohon visa atau membaharuhi visa sering akan melibatkan wang suap. Terdapat banyak sebab mengapa visa itu tidak boleh diberikan atau dipanjangkan dan sesiapa tidak

mengetahui adakah ia benar atau tidak. Jalan yang paling cepat dan mudah ialah memberi rasuah kepada pegawai-pegawai berkenaan supaya visa diisukan segera.

Selain itu, polis yang sepatutnya melindungi kebajikan masyarakat tempatan dan asing mewujudkan satu masalah lain. Mereka akan selalu datang melawat syarikat-syarikat dengan pertanyaan seperti siapakah yang tinggal di situ dan mengapa dia berada di situ dan selalu meminta visa dan dokumen-dokumen yang lain. Jikalau tidak mahu diganggu oleh mereka, cara yang paling senang ialah meletak wang dalam satu sampul surat dan memberikannya kepada mereka. Perlakuan itu bukan kerana penglibatan dalam pembuatan haram atau takutkan mereka, tetapi untuk merapatkan perhubungan supaya pelabur-pelabur asing akan “terlindung” di bawah “jajahannya”. Jadi, boleh dikatakan setiap orang yang berada di Vietnam mempunyai cerita rasuah yang tersendiri.

Vietnam amat menyedari hakikat itu dan bercita-cita untuk menghapuskan rasuah dalam negaranya. Perdana Menteri Vo Van Kiet dalam ucapannya di Dewan Negara pada bulan November 1996 telah menyerang rasuah, menjamin praktis itu akan dirobohkan, agar dapat menstabilkan perikliman pelaburan di negara itu. Lanjutan daripada itu, Le Quang Dao, pengurus kepada Institusi Penyiasatan Tertinggi telah dipecat oleh Dewan Negara kerana tidak dapat mencegah rasuah yang sedang berleluasa. Undang-undang mencegah rasuah yang lebih ketat sedang dirangka, dan hukuman mati

telah dikenakan ke atas dua kes rasuah yang terbesar di Vietnam<sup>90</sup>.

Bagaimanapun seorang penguam telah memberitahu:

*“You might be excused for thinking that passing a law against corruption in Vietnam is like passing a law against breathing. The case you've mentioned would be classified as corruption in a western country. Here in Vietnam, it's more likely to be called a way of life. The way you define corruption depends on where you live.”<sup>91</sup>*

Rasuah memang sudah lama berakar dalam masyarakat Vietnam. Selagi gaji untuk pegawai-pegawai kerajaan tidak dinaikkan selaras dengan kadar pasaran, pengkaji tidak dapat melihat bagaimana masalah itu boleh dihapuskan hanya dengan penguatkuasaan undang-undang. Harus diingat, di dalam mahkamah dan semasa mengimplementasi undang-undang mencegah rasuah, mungkin rasuah juga sedang berlaku. Du Muoi, Setiausaha Umum bagi Parti Komunis telah berkata:

*“A sugar cane might have a rotten stem just a house might have a roof that leaks here and there, we have to throw away the rotten parts and repair the leaks in the roof.”<sup>92</sup>*

Mengikut Kementerian Dalam Negeri, pada tahun 1996, terdapat 24 kes rasuah yang serius yang melibatkan jumlah wang antara US\$18 juta sehingga US\$28 juta. Ramai pegawai kerajaan dan esekutif syarikat telah dipenjarakan.<sup>93</sup>

Seorang pelabur asing di Hanoi mentafsirkan masalah rasuah di Vietnam hanya merupakan cara untuk menjalankan perniagaan dan pelaburan. Dalam kes Syarikat Marikawan, Pengurus Besar telah menaksirkan perlakuan

itu sebagai pemberian “*favour*”. Walaupun tiada bukti dalam dokumen rasmi Syarikat Marikawan telah memberi rasuah tetapi “*favour*” yang disumbangkan memang kerap dan dalam pelbagai bentuk. Umpamanya, membiayai pegawai-pegawai yang berkuasa dalam lawatan sambil belajar ke negara-negara Malaysia, Singapura, Taiwan, Jepun dan sebagainya; menghantar dan memberi subsidi kepada ahli-ahli keluarga pegawai-pegawai tertentu di hospital swasta (yang sakit) dan kolej swasta (anak-anak pegawai-pegawai). Adakah ia ditaksirkan sebagai rasuah adalah susah hendak ditentukan, tetapi tidak dapat dinafikan ia merupakan pelincir dan penggalak dalam pembangunan projek pelaburan asing. Selain itu, seperti yang telah dibincangkan di bab 4, kes-kes rasuah telah berlaku dalam isu ganti rugi dan penempatan semula penghuni-penghuni di tapak Danang EPZ/IZ. Penentuan kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal bahan-bahan bina untuk membina kerja infrastruktur di dalam zon industri juga melibatkan pemberian rasuah.<sup>94</sup>

Selain rasuah, Vietnam juga terkenal dengan kegiatan penyeludupan. Masalah penyeludupan di Vietnam berleluasa dan menggugat keuntungan pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur yang ingin menumpukan kepada pasaran tempatan. Penyeledupan itu sering berlaku di sempadan-sempadan Kambodia dan China.

Perdagangan haram itu akan menyebabkan negara Vietnam hilang berjuta-juta dollar dalam pendapatan cukai. Penyeludup-penyeludup yang sering berdagang dalam US dollar juga akan menjaskan usaha-usaha

kerajaan untuk merapatkan jurang perdagangan dan simpanan matawang asing. Sekiranya masalah itu berterusan tanpa dibanteras dengan segera, dijangkakan kilang-kilang tempatan (termasuk juga kilang-kilang asing) akhirnya akan membuang pekerja-pekerja dan mengelunkan skalanya atau menutup kilang-kilang tersebut kerana pasaran tidak terjamin.

Perintah anti-penyaludupan telah dikeluarkan pada November, 1997, tetapi hanya menghasilkan perubahan yang kecil. Sempadan yang panjangnya lebih kurang 2,000 kilometer dengan Kembodia, Laos dan China merupakan satu tempat yang penuh dengan godaan bagi penyaludup-penyaludup. Seorang pegawai Vietnam yang bertugas mencegah penyaludupan menyatakan:

*“Keeping up with the smugglers is a constant struggle.”<sup>95</sup>*

Dalam satu laporan oleh Dewan Negara, terdapat 4,300 kes penyaludupan pada tahun 1994, 2600 kes melibatkan menyeludup barang haram, 2500 kes berkaitan dengan aktiviti-aktiviti haram. Laporan tersebut juga mengesahkan terdapat seramai 1,600 pegawai yang telah menerima hukuman pentadbiran kerana tidak menjalankan tugas dengan tegas dan 430 kes dihukum di bawah dakwaan rasuah.<sup>96</sup> Kes-kes penyaludupan telah meningkat setiap tahun, seperti yang dinyatakan oleh seorang Vietnam:

*“People do not understand the concept (of a market economy), they think making money is everything, by all means, without law.”<sup>97</sup>*

Masalah penyeludupan itu telah menyebabkan beberapa galan dalam pelaburan asing. Umpamanya Proter & Gamble, Unilever Ip, America Standard and syarikat-syarikat asing lain yang telah belanjakan beribu-ribu dollar untuk membina kilang-kilang di Vietnam, akhirnya dikalahkan oleh jenama mereka sendiri. Pradeep Gupta, Ketua Wasaran di Lever-Viso, syarikat usahasama bagi Unilever telah mengadu, *most of our factory is standing idle*" dan pengeluaran telah jatuh 60% babkan aktiviti-aktiviti penyeludupan oleh barang yang dikeluarkan kilang yang sama di negara Thai melalui sempadan Cambodia.<sup>98</sup>

### **Masalah Mentaliti Dan Kebudayaan Perdagangan**

Mentaliti dan budaya perdagang merupakan salah satu sekatan pada penerusan pembangunan perindustrian di Vietnam, terutama dalam narikan pelaburan asing. Jalinan hubungan individu merupakan fenomena asa di negara-negara Asia dan semakin diterap, diterima dan difahami oleh gara-negara barat. Bagaimanapun apa yang tidak difahami oleh orang-orang asia, apatah lagi orang-orang Barat, ialah sikap orang Vietnam yang tidak ahu menunaikan apa yang telah dipersetujui atau dijanjikan. Biasanya pelabur-pelabur asing mahukan kesemua perjanjian disemak dan ditandatangani dengan tepat, cepat dan dipatuhi. Manakala pihak Vietnam tak pernah pasti apa yang dijanjikan hari ini ialah sesuatu yang boleh ipersetujui pada hari kemudian, memandangkan betapa cepatnya keadaan dan eraturan-peraturan berubah. Pengkaji hanya boleh merumuskan bahawa

mereka tidak mempunyai perasaan keselamatan dan jaminan pada masa depan, jadi mereka hanya berfikir dan bertindak ad-hoc dan memikirkan cara yang paling pantas dan mudah mendapat kekayaan tanpa berfikir jangka masa panjang dan keikhlasan.

Hubungan perseorangan jika boleh dikendalikan dengan baik akan menyempurnakan ketidakcekapan pengurusan dan ketidaklengkapan perundangan. Tetapi dalam banyak hal hubungan perseorangan ini melibatkan faktor sentimen, emosi dan sebagainya, yang seterusnya akan mengganggu perjalanan perdagangan dalam sistem pasaran bebas.<sup>99</sup> Penumpuan yang keterlaluan kepada hubungan perseorangan akan mengakibatkan sesuatu keputusan tegas tidak boleh diambil atau dilaksanakan, serta keadilan tidak dapat ditegakkan lalu menggalakkan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa dalam masyarakat tempatan.

Hubungan perseorangan itu merebak luas terutama dalam jalinan perhubungan dengan authoriti pusat di pelbagai kementerian, pegawai-pegawai tempatan dalam provinsi-provinsi dan majlis perbandaran. Perlakuan ini kritikal dan merupakan suatu yang pasti, memandangkan pegawai-pegawai yang berkuasa ialah satu golongan authoriti yang mengikut pertimbangan sendiri apatah lagi arena implementasi dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan merupakan yang paling lemah di Vietnam. Jalinan perhubungan yang baik boleh menjamin kerjasama yang lebih akraf dan masa depan yang lebih cerah.

Dalam konteks negatif, jalinan perhubungan dan hubungan perseorangan bertentangan dengan peraturan-peraturan dan undang-undang, apabila ia diguna untuk menanam kesalahan-kesalahan pentadbiran dari mata orang awam. Ramai orang percaya hubungan perseorangan akan menyempurnakan apa yang diluar bantasan undang-undang. Tambahan pula, cara hidup orang Vietnam tidak menggalakkan penguatkuasaan undang-undang. Dalam sejarah Vietnam, konsep undang-undang tidak wujud memandangkan fahaman Konfucius telah memberi kuasa mutlak kepada maharaja yang berbudi bahasa. Perbuatan dan kebiasaan ini telah diikuti di peringkat provinsi dan kerajaan tempatan.

Pada Perlembagaan 1992, jawatankuasa tempatan diberi kuasa untuk menentukan penggunaan tanah dan jenis industri dan aktiviti ekonomi yang dikehendaki oleh kampung mereka. Jadi tidak hairan jika diberi komen:

*“The law of the sovereign gives way before the custom of the villages.”<sup>100</sup>*

Keutamaan kepada adat daripada undang-undang membawa kesan-kesan negatif. Undang-undang negara akan menjadi kabur apabila ia dibatalkan oleh keputusan-keputusan tempatan. Kekeliruan yang wujud membangkitkan masalah dalam perancangan ekonomi. Perlakuan itu juga akan melangkau undang-undang rasmi. Jikalau adat dan keputusan jawatankuasa tempatan mempunyai kuasa yang lebih besar daripada undang-undang rasmi, pelabur-pelabur asing akan mendapati melabur di Vietnam sangat kompleks

memandangkan mereka perlu berurusan dengan setiap provinsi dan kampung yang mempunyai peraturan-peraturan mereka yang tersendiri.

Selain itu, kepercayaan adalah susah untuk didapati dan juga susah dikekalkan di Vietnam. Dalam sejarah Vietnam, tidak sukar untuk membayangkan bagaimana Vietnam telah membangun satu ketidakpercayaan ke atas orang-orang asing. Konflik-konflik dalaman pada tahun 1970an menggalakkan ketidakpercayaan antara orang Vietnam sendiri dan diperkuuhkan selepas penyatuan pada tahun 1975. Kes-kes seperti orang Vietnam yang tergolong dalam kategori kapitalis telah didedahkan identiti dan penempatankekayaan mereka oleh saudara-mara dan kawan-rapat mereka adalah sangat umum pada masa itu. Mentaliti tidak mengakui mereka mempunyaikekayaan masih terdapat di kalangan Vietnam pada masa ini kerana takut diiri hati oleh orang lain dan akan dilaporkan kepada pihak berkuasa dan siasatan akan dijalankan terhadap mereka.

Selain itu, Vietnam yang sekian lama dalam kesusahan tidak percaya akan dunia ini mempunyai keadilan kecuali wang tunai atau ketul emas yang dipegang ketat dalam tangan yang boleh menjaminkan keselamatan dan masa depan mereka. Oleh itu, mereka tidak percaya adanya manusia yang tidak mempunyai niat untuk mendapatkankekayaan. Bagi mereka, motif bagi kesemua pedagang dan pelabur asing ialah untuk mengaut keuntungan berlebihan, mengeksplotasi tenaga buruh dan sumber semula jadi negara mereka. Anggapan sebegini tidak menggalakkan jalinan perhubungan yang sejati antara pedagang dan pelabur asing dengan masyarakat tempatan.

Terdapat pedagang Malaysia yang berpendapat sifat ketidakpercayaan ini yang menyebabkan taktik gerila mereka begitu berjaya dalam peperangan, dan peperangan yang begitu lama telah “melatih” mereka supaya tidak mudah percaya kepada sesuatu dan tidak mengharap kepada sesuatu yang berjangka masa panjang. Meskipun, pandangan tersebut masih boleh dibahaskan, namun imej orang Vietnam yang skeptikal dan berubah-ubah ini adalah umum dalam masyarakat.<sup>101</sup>

Kepercayaan merupakan perkara yang paling penting dalam melakuan perdagangan di Vietnam, kerana Vietnam secara automatiknya mencuriga orang-orang asing. Mereka juga mencuriga jiran-jiran mereka. Mendapat kepercayaan dan keyakinan dari orang yang pada dasarnya tidak mudah mempercayai orang lain merupakan kunci kejayaan. Secara umumnya, dengan sifat yang mesra, ikhlas, hormat dan bertolak ansur tidak menjamin orang Vietnam akan mempercayai orang asing. Untuk membangun kepercayaan perlu mengambil masa untuk bersosial dengan mereka dan memenuhi permintaan mereka. Pelabur asing perlu menunjukkan sikap rela berkorban sesuatu dan boleh dipercayai, dan ini akan mengambil masa. Selalunya, apa yang rela dikorbankan merupakan persoalan penting dalam penerusan atau penarikan keluar sesuatu projek pelaburan asing. Kecurigaan muncul juga kerana kurang pengetahuan komersial. Mereka tidak biasa dengan peraturan perdagangan antarabangsa. Mereka tidak percaya akan perjanjian yang ditandatangani, kerana bagi mereka ia terlalu rapuh. Mereka tidak biasa dengan beberapa keping perjanjian boleh menjaminkan apa-apa pada masa

depan. Mereka lebih rasa selamat jika mendapat wang tunai. Bagi mereka, mengikut seorang pelabur Malaysia, berjanji sesuatu adalah bermakna untuk melupakannya.<sup>102</sup>

Selain itu, untuk mendapat kepercayaan dari populasi terhadap polisi-polisi dan tindakan-tindakan kerajaan Vietnam masih merupakan satu kerumitan. Sejak beberapa tahun, peraturan-peraturan sering berubah-ubah bukan dari segi kekerapan sahaja tetapi juga tidak boleh diduga. Tambahan pula dengan peringkat rahsia yang tinggi telah menambah ketidakterangan, yang mana akan menjasikan keadilan dan kecekapan ekonomi. Secara spesifiknya, perasaan tidak aman terasa oleh pengusaha-pengusaha yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti mereka. Kemungkinan penambahan keuntungan dan pertumbuhan pasaran modal merupakan isu-isu yang belum diselesaikan. Rekod-rekod parti dan kerajaan dalam bahagian ini yang diragui dan tiada jaminan menyebabkan pengusaha-pengusaha yang berpotensi menggunakan alasan ini sebagai tidak mempercayai pasaran bebas lagi liberal yang telah disetujui dapat dilaksanakan.

Boleh dirumuskan Vietnam pada umumnya menghadapi dilema kepercayaan, antara orang Vietnam, orang Vietnam dengan orang asing dan juga orang Vietnam dengan kerajaan Vietnam. Keadaan ini akan mengambil masa yang lama untuk diatasi. Berapa lama masa diperlukan dalam pembinaan kepercayaan berkait rapat dengan pembangunan negaranya. Hanya dengan satu negara yang stabil dan kaya, benih kepercayaan boleh tumbuh dengan baik.

Kecurigaan dan kesangsian sering mempengaruhi kerjasama antara pihak Vietnam dan Malaysia dalam projek Danang EPZ/IZ. Apa yang mereka yakin ialah kedua-dua pihak mempunyai agenda-agenda tersembunyi belum diketahui. Perhubungan yang penuh dengan curiga itu menjelaskan lagi kelancaran projek dan mengakibatkan kelambatan dan kegagalan projek tersebut.

Eksekutif-eksekutif Malaysia yang bekerja di projek Danang EPZ/IZ mengalami kes dijejaki dan dokumen-dokumen mereka pernah dikesani oleh pihak Vietnam. Setiausaha Vietnam yang bekerja di projek tersebut adalah pengintip rasmi untuk mengawasi tingkah-laku pihak Malaysia. Selain itu, telefon kerap kali dicuri dengar dan faks disemak. Perlakuan sebegini menunjukkan pihak Vietnam tidak mempercayai orang Malaysia.<sup>103</sup> Tindakan tersebut menyebabkan pihak Malaysia amat kecewa dan marah dan tidak memperlihatkan minat dan semangat yang sepatutnya perlu dicurahkan dalam menjayakan projek tersebut. Banyak masa dan usaha telah digunakan untuk menyelesaikan masalah pengurusan yang biasanya merupakan perkara kecil sahaja. Umpamanya pihak Vietnam menyoal mengapa pihak Malaysia melapor sesuatu ke pejabat Kuala Lumpur dan pihak Malaysia pula menyoal balik mengapa mereka tahu apa yang terkandung dalam faks atau perbualan telefon. Keadaan ini berlarutan hingga sekarang, walau pun usaha telah dibuat untuk merapatkan hubungan antara pihak Malaysia dan Vietnam, namun begitu benih tidak mempercayai telah berakar umbi dan sukar dihapuskan.<sup>104</sup> Persefahaman dan perpaduan yang penting

dalam ragam usahasama tidak pernah dilaksanakan. Danang EPZ/IZ bukanlah merupakan kes tunggal di Vietnam.

Cara pesetujuan sebulat suara pernah dipuji kerana membantu menghindarkan gangguan dalam keperibadian, tetapi persetujuan sebulat suara ini juga bermakna penundaan yang panjang dan banyak kompromi. Kebiasaan yang berlaku, seseorang itu akan membantah sesuatu perkara atas sebab emosi dan persoalan peribadi dan tidak ada kaitan dengan perkembangan perkara tersebut. Ada juga membantah kerana ingin mendapat kebaikan peribadi dan seumpamanya. Perlakuan sedemikian telah merumitkan pekerjaan pelabur asing di Vietnam terutama bagi mereka yang terlibat dalam usahasama. Oleh yang demikian, undang-undang pelaburan yang baru pada tahun 1997, telah memberi jaminan kepada pelabur-pelabur asing bahawa bukan semua perkara perlu mendapat persetujuan sebulat suara dari badan pengurusan.<sup>105</sup>

Pengkaji berpendapat, berurus dagang melalui perhubungan mempunyai persamaan dengan orang Asia. Tetapi apa yang berbeza ialah orang Vietnam lebih berkecenderungan individualistik (disebabkan perasaan tidak percaya dan kesangsian yang tinggi) dan orang Asia lebih berorientasikan kumpulan. Orang Vietnam amat mementingkan kesopanan, mereka mengharapkan setiap individu berkelakuan baik. Penghormatan dan kesopanan tanpa dominasi akan dihargai oleh orang mereka. Etika "Confusious", disiplin, mementingkan harmoni dan cuba mengelakkan pertentangan merupakan sifat baik mereka. Namun begitu sifat-sifat meragui pelabur-pelabur asing kerana kurang pasti akan kehendak dan minat sebenar

mereka. Bila orang Vietnam tidak bersetuju, mereka lebih senang mengatakan “ya” atau “mungkin” daripada berkata “tidak” secara terus terang. Seorang pengkaji Amerika yang telah mengkaji budaya dan mentaliti orang Vietnam secara teliti pada tahun 1960an telah menulis berikut:

*“... The Vietnamese do not like to say “no” and will often reply “yes” when the answer should be negative...”<sup>106</sup>*

Oleh yang demikian masa yang lebih panjang diperlukan oleh pelabur-pelabur asing untuk memastikan “yes” sebenar orang Vietnam. Perlakuan sebegitu bukan sahaja membuang masa malah telah mematahkan semangat pihak pedagang dan pelabur asing termasuk pelabur-pelabur Malaysia di Danang EPZ/IZ. Kesabaran merupakan kunci di sini.

Selain daripada sikap diatas, sikap orang Vietnam digambarkan seperti berikut:

*“...may indicate a polite, but perhaps sceptical reaction to something, compliance or toleration of a blunder or misunderstanding, or on occasion represents submission to a judgement that may be wrong or unfair...”<sup>107</sup>*

Dalam kes Syarikat Marikawan, apabila berlakunya percanggahan pendapat antara orang-orang Vietnam dan orang-orang Malaysia yang bekerja di sana, taktik yang paling kerap digunakan ialah “boycott”. Pekerja-pekerja bawahan diarahkan supaya tidak memberi kerjasama kepada orang-orang Malaysia dan perlakuan sebegitu mengganggu operasi sehariannya. Selain ini, oleh kerana kepentingan sendiri rakan kongsi tidak “terpelihara”

dalam satu perbincangan, rakan kongsi Vietnam yang selama ini menunjukkan muka manis dan suara lemah-lembut telah menjadi kejam dan tidak bertimbangrasa. Apa yang menakutkan Syarikat Marikawan ialah mereka tidak tahu bilakah reaksi sebenarnya rakan kongsi Vietnam dan tidak boleh menyangka apakah tindakan yang akan diambil selanjutnya. Ini menyebabkan pada suatu ketika, esekutif-esekutif yang dihantar oleh Syarikat Marikawan di Danang EPZ/IZ meminta pulang ke tanah air dan tidak mahu menerus perkhidmatan-perkhidmatan masing-masing kerana kesihatan terjejas.<sup>108</sup> Rakan kongsi Vietnam yang tidak boleh menjamin keselamatan dan keselesaan hidup eksekutif-eksekutif Malaysia mengecewakan Syarikat Marikawan dan mendorong Syarikat Marikawan tidak mahu komit dalam jangka masa panjang dan tidak rela mengeluarkan modal tambahan dalam menjayakan projek Danang EPZ/IZ. Akhirnya pihak Vietnam yang rugi dari segi reputasi dan ekonomi.

Orang Vietnam juga mempunyai perasaan yang kuat dalam mempertahankan maruah nasional. Kemenangan dan kejayaan menghalau keluar penceroboh-penceroboh asing sejak beberapa abad yang lalu menyebabkan Vietnam amat berbangga dengan kemampuannya. Tambahan pula, pendidikan sosialis dan ideologi yang tertumpu kepada pergelutan nasionalis dan kemenangan penduduk-penduduknya telah menambahkan perasaan kebanggaan mereka. Jadi dalam sesuatu perbincangan dan perundingan, perasaan bangga dan maruah diri yang tinggi ini mungkin dapat

dimengertikan dengan mudah. Dalam hal ini pelabur-pelabur asing harus berhati-hati dalam percakapannya dan mesti pandai bermain politik.

Penghormatan dua hala sangat penting. Orang Vietnam tidak akan melakukan hal yang hina kepada pelabur-pelabur asing dan mereka juga tidak mudah melupakan jika mereka terasa dihina, walau pun kadang-kala hanya dalam hal percanggahan budaya. Pandangan pelabur-pelabur asing sangat penting bagi orang Vietnam, mereka tidak suka dipandang rendah dan tidak suka dianggap mereka tidak tahu apa-apa. Kata seorang pelabur asing:

*“ I wouldn't be surprised if investors turned their back again on this country for a while. The Vietnamese are still in the process of learning that it takes to be internationally competitive and not just arrogant.”<sup>109</sup>*

Dalam kes Syarikat Marikawan, pekerja-pekerja Vietnam amat susah diajar. Ini bukan kerana kurang pendidikan atau faktor fizikal, tetapi sikapnya yang angkuh dan tidak mahu menerima nasihat. Mereka bertindak mengikut sesuka hati dan mungkin tindakan tersebut akan menjejas kelancaran projek dan merugikan syarikat usahasama. Oleh yang demikian eksekutif-eksekutif Syarikat Marikawan yang berkhidmat di sana memerlukan masa yang lebih lama untuk berkomunikasi dengan pihak Vietnam dan memahami tindakan-tindakan tertentu yang perlu diambil. Pekerja Vietnam tidak akan menurut 100% arahan pihak Malaysia. Ini melambatkan operasi sehari-an. Sebaliknya pihak Malaysia yang akan tunduk kepala kepada “kedegilan” dan “kesombongan” pihak Vietnam. Dalam hal sedemikian amat melemahkan

semangat pelabur asing. Mentaliti pihak Syarikat Marikawan amat mudah difahami:

“saya yang masukan modal tetapi saya tidak ada kebebasan dan kemudahan untuk melaksanakan rancangan-rancangan dan strategi-strategi saya, jadi buat apalah saya hendak melabur? Dan pelaburan ini tidak menjamin keuntungan.”

## 5.8 Masalah-masalah Lain

Seperti yang dibincangkan di atas, terdapat juga masalah-masalah lain yang menjadikan kemasukan pelabur asing di Vietnam. Antaranya ialah sistem pencukaian dan kastam yang kompleks, persaingan antara provinsi yang kadang kala mengelirukan pelabur asing, kelemahan kemudahan infrastruktur yang masih belum ada satu penyelesaian yang baik dan faktor tenaga kerja. Kesemua ini akan dibincangkan dengan teliti seperti berikut.

### 5.8.1 Sistem Pencukaian Dan Sistem Kastam

Timbalan Menteri Setiusaha Agong, Doan Manh Giao telah mengakui Vietnam masih belum bersedia beriringan dengan rakan-rakan ASEAN dalam sektor perdagangan dan pelaburan kerana sistem legal masih belum lengkap,<sup>110</sup> terutama mengenai pencukaian seperti cukai import masih tinggi dan peraturan-peraturan ke atas barang yang boleh menikmati duti bebas masih kompleks dan aktiviti-aktiviti eksport/import masih rumit dan melibatkan banyak rasuah dan penyeludupan.

Sistem pencukaian di Vietnam dikatakan sangat murah hati pada umumnya, tetapi tidak menarik di mana konsesi diberikan dalam bentuk cukai untung. Seorang konsultan di Hanoi telah menyatakan bahawa dia belum melihat sesebuah syarikat asing mendaftar untung yang cukup bagi mendapat faedah dari insentif-insentif ini. Kedua, pelaburan selalu dipengaruhi oleh cukai *turnover* yang ditetapkan oleh kerajaan. Ini hanya diaplikasikan kepada peniaga-peniaga tempatan dan pelabur-pelabur asing. Kerajaan amat sedar akan masalah ini dan bersetuju untuk membetul dan mengubah struktur cukai. Kemungkinan dengan menggantikan cukai *turnover* kepada *Value Added Tax* (VAT). Bagaimanapun kejayaan akhir VAT ini tidak dapat dijangkakan, kerana Vietnam tidak mempunyai satu sistem perakaunan yang baik.

Ketiga, Undang-undang pencukaian tidak diimplementasikan oleh autoriti-authoriti tempatan dengan betul. Terdapat pelbagai bukti daripada pelabur-pelabur asing bahawa penaksiran yang pelbagai dalam sesuatu undang-undang pencukaian oleh authoriti tempatan telah membawa masalah dan kesulitan yang besar kepada pelabur-pelabur asing.

Keempat, hak penghantaran pulang keuntungan dan aset walaupun dijamin tetapi sebelum seseorang pelabur asing boleh berbuat demikian, modal dibayar mesti dinaikkan. Sebagai contoh jika modal legal ialah 10 juta maka modal dibayar mesti dinaikkan kepada 10 juta baru boleh membawa pulang keuntungan negara-negara ketiga.

Kelima, pelabur asing mendapat keutamaan dalam menyewa tanah daripada kerajaan di kawasan-kawasan yang mundur atau dalam bidang-

bidang yang spesial yang memerlukan insentif untuk menurunkan modal pelaburan. 50 peratus penurunan dari segi sewa didapati tetapi jangka masa sewaan ini menyukarkan pelabur asing untuk mendapat balik daripada pelaburan yang dibuat, memandangkan jangka masa yang sangat panjang iaitu 50 tahun.

Keenam, ketidaktentuan yang disebabkan oleh perubahan yang berturut-turut dalam pelbagai peraturan pelaburan asing tanpa maklumat yang cukup kepada pelabur-pelabur yang berkaitan amat mengecewakan.

Peraturan-peraturan import dan eksport Vietnam tidak kompleks secara relatif. Masalah-masalah yang dihadapi oleh kebanyakan syarikat-syarikat asing dan pelabur-pelabur asing ialah penaksiran yang pelbagai oleh pihak berkuasa tempatan. Pengalaman yang kurang dan kekurangan informasi dengan bagaimana mengimplementasi peraturan telah mengakibatkan kesukaran dan kelewatan yang berkos tinggi. "Lari cukai" mungkin dapat dilakukan dengan cara memberi sogokan kepada pegawai-pegawai di Pejabat Kastam. Bagaimanapun pengeksport dan pengimport yang jujur harus menjalani prosedur-prosedur yang kompleks dan memakan masa panjang.

Kastam di Vietnam merupakan satu bencana besar. Kerajaan telah bertindak untuk membetulkan keadaan ini tetapi setakat ini masih tidak menunjukkan hasil yang memuaskan. Kakitangan kastam tidak biasa dengan barang luaran terutama yang baru dalam pasaran tempatan. Mereka tidak pernah melihat barang tersebut apatah lagi mereka memahami fungsi-fungsi

dan kegunaanya. Jadi sikap mereka adalah sangat cemas dan terlalu berhati-hati dan lambat dalam pemprosesan. Apabila mereka berdepan dengan kargo yang tidak biasa, mungkin mereka memerlukan sebulan dua untuk menyiapkan pemprosesan. Dan bertambah rumit lagi apabila pegawai kastam yang berlainan mempunyai penaksiran yang berlainan dan menggunakan kod tarif yang berlainan. Kemungkinan besar pada bulan pertama, kadar duti ialah 20 peratus, bulan yang seterusnya mungkin naik ke 40 peratus dan sebagainya. Jadi setiap kali perbincangan perlu diadakan dengan pegawai-pegawai kustom bagi menentukan kadar duti yang lebih “adil”.

Harus dijelaskan di sini bahawa pengimport-pengimport mesti memberi insentif wang supaya permohonan dan permintaan mereka boleh disampaikan kepada penguasa tertinggi. Biasanya sejumlah wang perlu dibayar kepada pegawai kastam bila pergi ke pejabat mereka atau bila mereka datang melawat kilang. Rasuah telah terlibat dan ia dianggap sebagai satu ritual yang biasa.

Pengkaji berpendapat selagi reformasi pentadbiran tidak dilengkapi secepat mungkin, masalah kastam ini akan terus menghantui pengimport dan pengeksport apatah lagi pelabur-pelabur asing.

### **5.8.2 Perbezaan Perkembangan Dan Pertandingan Provinsi-provinsi**

Satu risiko bagi pelabur-pelabur ialah bertambahnya pertandingan antara kerajaan provinsi dan authoriti pusat. Adalah umum bagi kerajaan provinsi untuk mengejar kebebasan dalam polisi-polisi ekonomi dari

kerajaan pusat, atau menaksir dan mengimplementasi undang-undang dan peraturan-peraturan mengenai pelaburan asing secara berlainan. Provinsi-provinsi sering bersaing antara satu sama lain untuk mendapatkan pelaburan asing. Oleh yang demikian, terdapat pelbagai taksiran dan mengelirukan pelabur asing.

### **5.8.3 Kelemahan Infrastruktur**

Sistem pengangkutan dan komunikasi di Vietnam sangat mundur disebabkan kelemahan infrastruktur. Walaupun terdapat rancangan-rancangan untuk membangun dan membaiki infrastuktur di Vietnam namun begitu implementasi masih terbatas.

### **5.8.4 Faktor Tenaga Kerja**

Walau pun tenaga kerja di Vietnam murah dan berpotensi tinggi secara relatif, tetapi ramai di antara mereka tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan dalam pasaran. Di samping itu, MPI telah menjangka lebih 10% daripada syarikat-syarikat yang beroperasi di Vietnam telah terjejas oleh pergelutan buruh di Vietnam pada tahun 1994. Keadaan ini menampakkan semakin meningkat berikutan persatuan buruh yang semakin berkuasa di Vietnam.

## **5.9 Kesimpulan**

Vietnam merupakan satu tempat yang mahal untuk beroperasi di mana sewa bagi perumahan dan bangunan komersial sangat tinggi. Kos-kos telekomunikasi juga tinggi. Dwi harga dalam pelbagai perkhidmatan atas tersebar merata-rata. Rasuah dan pemberian wang sogokan yang berlebihan merupakan satu amalan. Membuat perdagangan dan pelaburan di Vietnam sebenarnya adalah lebih mahal daripada yang difikirkan oleh pengusaha. Pelabur-pelabur asing selalu berhadapan dengan sesuatu yang di luar jangkaan. Hanya kesabaran boleh menjamin peluang untuk berjaya di Vietnam dan seterusnya memperolehi keuntungan.

Polisi Vietnam yang bertema berkawan dengan semua orang (*making friends with everyone*) telah membawa kemajuan, di mana hubungan diplomatik dengan Washington telah pulih, perjanjian-perjanjian dengan negara-negara Eropah telah ditandatangani dan kemasukan Vietnam dalam ASEAN telah tercapai. Kelebihan Vietnam yang utama ialah sumber tenaga kerja yang berkos rendah, tetapi kerajaan patut mengadakan lebih banyak kursus yang berkaitan dengan permintaan pasaran dan meningkatkan taraf pembelajaran di Vietnam. Di samping itu, Vietnam yang sedang menumpukan perhatian ke atas polisi-polisi orientasi pengeksportan perlu lebih giat dalam penubuhan mekanismanya supaya pengeksport-pengesport tidak dikecewakan oleh polisi-polisi kerajaan dan tindakan-tindakan pegawai kerajaan terutama dari segi pencukaian dan pengendalian kastam.

Memandangkan modal dalaman yang dikumpul masih kecil dan teknologi masih kuno, Vietnam masih perlu bergantung kepada pelaburan asing untuk mencapai polisi orientasi pengeksportan. Oleh itu, Vietnam perlu mempertingkatkan perikliman pelaburan di Vietnam dengan memberi lebih kebebasan dan kepercayaan kepada pelabur-pelabur asing, mengurangkan masalah birokratik dan peningkatan sistem kewangan, infrastruktur dan perundangan dan kehakiman. Seperti kata seorang pakar kewangan:

*“The economy can keep growing at 8% for some years, even if nothing changes, but if foreign investment and exports both level off, we could drift.”<sup>111</sup>*

Ini terbukti pada tahun 1998, berikutan dengan krisis ekonomi di negara-negara Asia, banyak projek pelaburan di Vietnam telah dihentikan, ditarik balik atau dikurangkan operasinya. Akibatnya KNK Vietnam pada suku pertama tahun tersebut ialah 6.5%.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini tidak membawa satu perubahan asasi dalam struktur ekonomi. Akibatnya, banyak masalah-masalah yang terselindung masih kekal, menyebabkan kejatuhan dalam pertumbuhan. Masalah-masalah tersebut perlu dikendalikan secepat mungkin untuk mengelakkan kemungkinan kesusahan di masa depan. Proses Doi Moi telah mencapai satu persimpangan yang lain. Kerajaan baru yang ditubuhkan pada September 1997 telah mengesyorkan enam sasaran iaitu, meningkatkan kompetitif ekonomi, menggalakkan pembangunan pertanian dengan lebih gigih, mengadakan reformasi ke dalam

sektor milik negara, mengidentiti isu-isu kewangan dan matawang, mencipta satu masyarakat yang adil, budaya yang kaya dan mencipta satu pentadbiran yang bersih, demokratik dan efisien. Pengkaji berpendapat, peralihan dari ekonomi pusat kepada satu sistem yang berdasarkan pasaran dan untuk mencapai enam sasaran tersebut memerlukan pelbagai pengurusan birokratik. Transferansi dalam proses membuat keputusan perlu ditekankan dan diperbanyakkan. Untuk mempertahankan satu ekonomi yang tegap dan memastikan pengagihan pembangunan yang serata, usaha-usaha yang lebih perlu disumbangkan.

## Nota Hujung

<sup>1</sup> Adam Schwarz, "The Problems of Progress", *Far Eastern Economic Review*, Oktober, 1995,52.

<sup>2</sup> *Vietnam Economic Times*, Disember, 1997,20.

<sup>3</sup> Ramai berpendapat kerajaan Vietnam juga menyedar bahawa Vietnam masih belum bersedia untuk projek-peojek mega sedemikian, tetapi jika lau tidak meluluskannya, jumlah pelaburan asing pada tahun 1996 akan menujukkan kejatuhan yang mana kerajaan Vietnam tidak sedia untuk menerima hakikat itu.

<sup>4</sup> *Vietnam News*, 11 Disember 1996.

<sup>5</sup> Richard Halloran, "Now Disenchantment with Vietnam", *International Herald Tribune*, 19 November 1996.

<sup>6</sup> Dow Jones, Khia Modifies, "Foreign Businesspeople in Vietnam, *Asian Wall Street Journal*, 5 Februari, 1998.

<sup>7</sup> Vietnam Find Private Enterprise A Grind, *Business Times*, 14 Mei 1998.

<sup>8</sup> Brantly Womack, Vietnam in 1996: Reform Immobilism, *Asia Survey*, Vol.37, No.1, Januari 1997,81.

<sup>9</sup> Adam Schwarz , op.cit., 52.

<sup>10</sup> Ibid., 48

<sup>11</sup> Kiew Yeng Ling, Kajian Kes mengenai hubungan perdagangan dan pelaburan di antara Syarikat Marikawanaysia dan Syarikat Vietnam, Latihan Ilmiah, 1994/95., Kuala Lumpur, 206-234.

<sup>12</sup> *International Herald Tribune*, op.cit.

<sup>13</sup> Nhan Dan, 3 Januari 1997.

<sup>14</sup> Adam Schwarz, op.cit.,52.

<sup>15</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit., 238.

<sup>16</sup> Andrea Thalemann, Vietnam: Marketing the Economy, *Journal of Contemporary Asia*, Vol.26.No.3, 1996, 323.

<sup>17</sup> Frank JR Gibney, , Stifled by Indecision, *Time*, Julai, 1996, 30.

<sup>18</sup> Ibid., 31.

<sup>19</sup> Adam Schwarz, op.cit.,52.

<sup>20</sup> Andrea Thalemann, op.cit., 347.

<sup>21</sup> Adam Schwarz, op.cit.,50.

<sup>22</sup> *Business Times*, 14 Mei 1998

<sup>23</sup> Derek Tonkin, , Vietnam: Market reform and ideology, *Asian Affairs*, Journal, June 1997, 191.

<sup>24</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit., hlm.212

<sup>25</sup> Penjelasan lanjut sila lihat Progress Report 3, Syarikat Marikawan, 1995.

<sup>26</sup> *Business Times*, op.cit.

<sup>27</sup> Di dalam Parti Kongres Kelapan, ahli-ahli konservatif mengekalkan kuasa. Kepelbagaiannya usaha-usaha dan inisiatif-inisiatif ahli-ahli reformist telah gagal. Laporan draf politik yang dilaporkan kepada masyarakat umum sebalum dua bulan kongres itu diadakan telah mencadangkan sumbangan sektor milik negara harus dinaikkan kepada 60% daripada 40% pada masa itu ke dalam KNK. Walau bagaimanapun, objektif mencapai 60& itu telah dilemahkan kepada *leading role* dalam sektor ekonomi di Vietnam pada akhirnya, tetapi ini telah menunjukkan kuasa konservatif dan keinginan untuk memulihkan kuasa syarikat milik negara.

<sup>28</sup> Vietnam telah cuba meniru konsep Chaebols dari Korea Selatan. Tetapi mereka telah menaksir salah makna Chaebols. Korea Selatan masih menekan dan mengutamakan pencapaian ekonomi sebagai kriteria penting untuk memperolehi pinjaman dan peluang pelaburan. Kerajaan Korea Selatan juga mengkhususkan ekonomi berskala dan berharap pertumbuhan ekonomi pesat akan mengikut. Motifnya ialah ingin meningkatkan kuasa

---

pertandingannya. Ini amat berlainan dengan keadaan di Vietnam, monopoli dan tidak tigid. Vietnam masih tidak mempunyai dasar yang kuat dalam melaksanakan gagasan sebegitu.

<sup>29</sup> Business Times, op.cit.

<sup>30</sup> Adrea Thalemann, op.cit., 329.

<sup>31</sup> Vietnam Economic Times, Mei 1996.

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit., 240.

<sup>34</sup> Adam Schwarz, op.cit.95.

<sup>35</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit., 240.

<sup>36</sup> Vietnam Economic Times, Disember 1997

<sup>37</sup> Adrea Thalemann, op.cit., 331

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Dipercayai Vietnam telah diilhamkan oleh contoh-contoh oleh syarikat-syarikat perdagangan orang Jepun seperti Mitsubishi dan Marubeni dan Korea Selatan Chaebol seperti Daewoo dan Samsung.

<sup>40</sup> Vietnam Economic Times, Disember 1997

<sup>41</sup> Lewis M Stren, Preparation for the 8<sup>th</sup> Congress of the Vietnamese Communist Party: party Organisation Congresses from the basis to the provincial level, 1995-96, Asian Profile, Canada, April 1997, 111.

<sup>42</sup> Hasil temubual dengan Pengurus Besar Syarikat Marikawan pada 6.9.1996 di Pejabat MASSDA JVC, Danang, Vietnam.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Pada tahun 1998, terdapat perubahan pula, disebabkan iklim pelaburan asing di Vietnam yang mengalami kemerosotan yang teruk, kerajaan lebih berkompromi dalam persoalan itu, sehingga 100% milikan asing digalakkan.

<sup>45</sup> Hasil temubual dengan Pegawai Perancang Syarikat Marikawan pada 18.8.1996 di Pejabat Syarikat Marikawan, Danang, Vietnam.

<sup>46</sup> Vietnam Economic Times, Mac 1997.

<sup>47</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit.,238.

<sup>48</sup> Irena Nørlund & Carolyn L. Gates (ed), Vietnam in a Changing World, Nordic Institute of Asian Studies, England, 1995, 97.

<sup>49</sup> Saigon Times, 23 Ogos 1996

<sup>50</sup> Dow Jones, Initial Investors in Vietnam Exit as Reform Stalls, Asian Wall Street Journal, 26-27, 1998

<sup>51</sup> Ibid.

<sup>52</sup> Penjelasan lanjut sila lihat Marketing Report 4, Syarikat Marikawan, 1996.

<sup>53</sup> Dow Jones, op.cit.

<sup>54</sup> Penjelasan lanjut sila lihat Marketing Report 5, Syarikat Marikawan , 1996.

<sup>55</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit.,247.

<sup>56</sup> Penjelasan lanjut sila lihat Progress Report 4, Syarikat Marikawan, 1996.

<sup>57</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit. 242

<sup>58</sup> Maklumat yang dijelaskan berdasarkan kepada pengalaman pengkaji ketika bekerja di Syarikat Marikawan selama tiga tahun 1995-1998 dan juga gabungan pengalaman beberapa orang pelabur Malaysia di Vietnam.

<sup>59</sup> Temubual oleh pengkaji dengan seorang pelabur Malaysia di Danang.

<sup>60</sup> Vietnam Investment Review, 19-25 Ogos, 1996

<sup>61</sup> Dalam pelaburan asing yang baru (versi 1996), beberapa isu yang memerlukan sebulat suara telah dihadkan kepada empat aspek, iaitu, pertama, pelantikan dan pemecatan pengurus umum, timbalan pengurus umum dan ketua akauntan, kedua, pemindaian dan penambahan charter, ketiga, kelulusan penyelesaian kewangn dan akaun tahunan dan keempat, pinjaman pelaburan. Isu-isu lain dibenarkan diputuskan oleh badan pengurusan dengan undian majoriti.

<sup>62</sup> Vietnam Investment Review, 19-25 Ogos, 1996

<sup>63</sup> Business Vietnam, Januari 1997, 25

<sup>64</sup> Coco-Cola Aims to Add Fizz to Its Vietnam Investment, Asian Wall Street Journal, 2 April 1998.

<sup>65</sup> Ibid.

<sup>66</sup> Didapati Proter and Gamble telah mendapat restu dari kerajaan untuk meninggikan bahagiannya dari 70% kepada 93% dalam syarikat usahasama tersebut. Syarikat asing P & G diminta masuk lebih wang ke dalam usahasama itu, tetapi rakan kongsi Phuong Dong tidak bersetuju berbuat demikian. Jika P&G memasuk lebih wang, ini bermakna seakan-akan telah membeli bahagian Phuong Dong. P & G memerlukan kemasukan wang kerana kekurangan sumber kewangan dalam usahasama itu telah menyebabkan syarikat itu gagal memenuhi kewajiban untuk membayar. (Bank pusat Vietnam yang juga menyuruh Citibank NA untuk membekukan pinjaman lanjutan kepada P&G VN Ltd yang melarang pinjaman dari bank-bank komersial kepada perdagangan yang tidak beruntung.

<sup>67</sup> Harus diingati, haluan ini hanya berlaku pada tahun 1998 memandangkan perikliman pelaburan asing telah merosot. Pada tahun-tahun 1993-1996, sikap kerajaan agak teguh dalam melindungi kebijakan syarikat-syarikat tempatannya. Malahan dalam hal itu, media tempatan telah menyifatkan ia sebagai satu eksloitasi dari pelabur-pelabur asing. Jawatankuasa Ho Chi Minh telah menyatakan dalam Jun 1998 bahawa mereka amat menggalakkan perdagangan dan pelaburan asing dilakukan dengan ragam 100% milikan asing di semua bidang kecuali telekomunikasi dan industri-industri yang berkaitan dengan pertahanan.

<sup>68</sup> Business Times, 11 November 1998

<sup>69</sup> Maklumat berdasarkan kepada pengalaman Syarikat Marikawan dalam usaha memindahkan penghuni-penghuni di tanah yang telah dibeli, pengubahsuaian bangunan syarikat dan juga dalam urusan pembelian perabot pejabat. Penjelasan lanjut sila lihat fail 2.1/1995 Syarikat Marikawan, fail 4.3/1994 Syarikat Marikawan dan fail 1.5/1995 Syarikat Marikawan.

<sup>70</sup> Berdasarkan kepada pengalaman pegawai-pegawai perancang Syarikat Marikawa, Danang, Vietnam. . pelabur-pelabur asing di Danang, Vietnam di antaranya termasuklah pengalaman Syarikat Royal Craft (Vietnam) Co. Ltd., Sinaran-Vietnam Co. Ltd., VID Public Bank, Danang Branch, Valley View Co. Ltd., Quoc Bao Co. Ltd. dan Keyhine Toys Co. Ltd.

<sup>71</sup> Vietnam Business Journal, Oktober 1997

<sup>72</sup> Ibid

<sup>73</sup> Richard Halloran, op.cit.,

<sup>74</sup> Vietnam Economic Times, Disember 1997

<sup>75</sup> Pengurus besar bagi Minh Phung dan EPCO dituduh secara rasmi atas penipuan. Kedua-dua kes ini melipat beberapa pegawai di dua bank milik negara. Untuk keterangan lanjut, boleh lihat Vietnam Economic Times, Julai 1997, 26-27.

<sup>76</sup> Vietnam Business Journal, Oktober 1997

<sup>77</sup> Adrea Thalemann, op.cit.,331.

<sup>78</sup> Ibid., 333.

<sup>79</sup> Business Asia, EIU, Oktober 1997

<sup>80</sup> Irene Nørlund, & Carolyn L. Gates. (ed), op.cit.,73.

<sup>81</sup> Tan Teck Meng (ed), Business Opportunities in Vietnam, Nanyang Business School, Singapura, 1997. 65

<sup>82</sup> Penjelasan lanjut sila lihat Kertas Persidangan Lembaga 10/96 Syarikat Marikawan.

<sup>83</sup> Sila lihat juga Kiew Yeng Ling, op.cit.,258-260. Pada masa itu, pengkaji hanya meletakkan masalah itu di dalam golongan masalah lain dan tidak mengambil berat tentangnya, pengkaji pada masa itu lebih menumpukan perbincangan kepada perhubungan pertalian yang menghalangkan hubungan perdagangan dan pelaburan antara Vietnam dan Malaysia, walaupun pengkaji masih menganggap perhubungan pertalian itu penting, tetapi masalah dan penyeludupan yang mempunyai kesan yang terus kepada pedagang-pedagang dan pelabur-pelabur asing.

<sup>84</sup>.Ibid.

<sup>85</sup> Ibid.

<sup>86</sup> Vietnam Investment Review, 26 November- 1 Disember 1996

- 
- <sup>87</sup> Sebagai contoh, seorang pegawai cukai hanya menerima pendapatan yang sebanyak US\$20-30 sebulan. Pegawai polis dan pegawai awam jarang menerima US\$100 sebulan. Minima gaji bagi seorang pegawai awam hanya kira-kira US\$13 sebulan. Adalah mustahil baginya menikmati satu kehidupan yang mewah sedangkan ramai pegawai cukai di Vietnam mempunyai rumah yang besar dan motorsikal Honda Dream.
- <sup>88</sup> Adrea Thalemann, op.cit.,333.
- <sup>89</sup> Ibid.
- <sup>90</sup> Dalam salah kes, Tamexco, penguam membelanya telah merayu lembut berdasarkan hujahan bahawa rasuah itu merupakan semulajadi di Vietnam, dan pelanggan yang diwakilinya tidak harus disisihkan.
- <sup>91</sup> Vietnam Economic Times, Mac 1997
- <sup>92</sup> Ibid.
- <sup>93</sup> Ibid.
- <sup>94</sup> Maklumat ini berdasarkan kepada pengetahuan sebenar pengkaji semasa bertugas di Syarikat Marikawan selama tiga tahun di Danang, Vietnam pada tahun 1995-1998.
- <sup>95</sup> Samantha Marshall, Smugglers of Tide and Lux are Cleaning Up in Vietnam, Asian Wall Street Journal, 1 April 1998
- <sup>96</sup> Andres Thalemann, op.cit., 325.
- <sup>97</sup> Ibid.
- <sup>98</sup> Samantha Marshall, op.cit.
- <sup>99</sup> Kiew Yeng Ling, op.cit. 223.
- <sup>100</sup> Laurence J Brahm, Foreign Investment and Trade Law in Vietnam, Asia 2000 Ltd, Hong Kong, 1992 . 227.
- <sup>101</sup> Ibid., 227.
- <sup>102</sup> Ibid., 229.
- <sup>103</sup> Penjelasan lanjut sila lihat Special Report, Syarikat Marikawan, 1995.
- <sup>104</sup>
- <sup>89</sup> Perkara-perkara yang perlu sebutul suara telah terhad kepada empat item, iaitu pertama, perlantikan dan pemecatan jawatan Pengurus besar, Timbalan pengurus dan ketua akauntan, kedua, penggubalan dan penambahan ke atas artikel-artikel perdagangan, ketiga, persetujuan ke atas penyata kewangan muktamad dan keempat, projek-projek pembinaan dan pinjaman modal.
- <sup>90</sup> Ann Caddel Crawford, Customs and Culture of Vietnam, Charles E.Tuttle Co, Ruthland, 1966.111.
- <sup>92</sup> Ann Caddel Crawford, op.cit, 100
- <sup>93</sup> Rakan kongsi Vietnam dan Malaysia bercanggah dalam satu perbincangan mengenai pembangunan Danang EPZ/IZ, dan pada masa itu, kebetulannya air paip yang menyalur air kepada tempat tinggal eksekutif-eksekutif orang Malaysia. Mereka telah mengambil keputusan dengan tidak membaiki dan menyambung air dari satu telaga terbiar yang tidak sesuai dijadikan air minuman. Rakan kongsi Vietnam tidak memberitahu pihak Malaysia dan mengancam pekerja-pekerja bawahan (pemasak dan pemandu) supaya tidak memberitahu pihak Malaysia. Pekerja-pekerja Vietnam yang mengetahui hal itu tidak berani memberitahu pihak Malaysia dan mereka bawa air sendiri dari rumah. Keadaan ini telah berterusan selama 2 bulan. Hal ini dibocorkan kerana salah seorang eksekutif Malaysia sering cirit-birit dan demam lalu mencuriga puncanya ialah dari air yang tidak bersih. Maka eksekutif tersebut mula mengadakan penyelidikan dan akhirnya dia mendapat pengesahan dari salah seorang pekerja Vietnam.
- <sup>94</sup> Andrea Thalemann, op.cit., 338.
- <sup>95</sup> Saigon Times, 23 Ogos 1996
- <sup>97</sup> Ibid.